

## **BAB V**

### **PERUSAHAAN PERIKANAN SEMASA ZAMAN BRUNEI BERKERAJAAN SENDIRI (1959-1983)**

#### **5.1 Pentadbiran Berkerajaan Sendiri**

Pada 29 September 1959, Brunei telah mengalami sekali lagi perubahan sistem pentadbiran daripada pentadbiran koloni kepada Pentadbiran Berkerajaan Sendiri (*internal self-government*). Perubahan ini diperoleh melalui satu perjanjian perlembagaan bersama kerajaan British yang dinamai Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei (PBNB). Melalui PBNB tersebut, secara rasmi telah menamatkan jawatan dan kuasa Residen British selama lebih kurang lima dekad dalam hal ehwal pentadbiran Brunei. Dengan ini, Brunei telah berjaya mendapatkan semula kuasa pentadbiran dalam negeri atau dengan perkataan lain mendapat kemerdekaan dalam negeri (Sabihah *et al*, 1995: 133; *Brunei*, 1978-1981: 14; Pg Sabtu, 1992/1993: 22).

Walau bagaimanapun hal ehwal pertahanan, keselamatan dan hubungan antarabangsa masih di bawah kuasa Kerajaan British melalui perlantikan seorang Pesuruhjaya Tinggi. Tugas utama Pesuruhjaya Tinggi British ketika itu, hanya menjadi penasihat kepada Sultan. Namun demikian, pada tahun 1971, melalui satu pindaan perjanjian, tugas Pesuruhjaya Tinggi menjadi penasihat telah diambil alih oleh Penasihat Umum kepada Sultan yang dilantik daripada anak tempatan sendiri (Sabihah *et al*, 1995: 133; Pg Sabtu, 1992/1993: 48). Oleh itu, Pesuruhjaya Tinggi British hanya bertanggungjawab terhadap hal ehwal keselamatan dan hubungan antarabangsa sahaja.

Pengambilan semula kuasa pentadbiran dalam negeri telah mewujudkan satu sistem pentadbiran kerajaan yang baru yang lebih mengutamakan kepada penglibatan

pegawai-pegawai tempatan. Sistem pentadbiran baru ini diketuai oleh Menteri Besar yang dilantik oleh Sultan menjadi ketua pentadbiran menggantikan tugas yang dipegang oleh Residen British sebelum ini. Menteri Besar yang dilantik bertanggungjawab kepada Sultan dalam menjalankan urusan pentadbiran serta memberikan penerangan kepada Sultan mengenai apa-apa sahaja perkara yang berkaitan dengan pentadbiran dalam negeri (*Pelita Brunei*, 29 September 1959: 4). Dalam usaha melicinkan sistem pentadbiran baru ini, beberapa jawatan penting di bawah Menteri Besar telah diwujudkan iaitu Timbalan Menteri Besar,<sup>1</sup> Setiausaha Kerajaan, Peguam Negara dan Pegawai Kewangan Negara. Mereka inilah yang bertanggungjawab membantu Menteri Besar dalam menjalankan urusan pentadbiran dalam negeri. Di samping itu, lima buah majlis iaitu Majlis Ugama, Majlis Mesyuarat Diraja, Majlis Menteri-Menteri, Majlis Mesyuarat Negeri dan Majlis Perlantikan Raja telah ditubuhkan. Majlis-majlis ini berfungsi untuk merangka dan membuat keputusan mengenai perkara yang berkaitan dengan dasar pemerintahan dan pentadbiran Brunei (*Brunei Annual Report*, 1964: 236-237).

Dalam rangka memodenkan sistem Pentadbiran Berkerajaan Sendiri, sistem pentadbiran berkementerian telah diperkenalkan pada tahun 1965 melalui perlantikan empat orang Menteri Muda iaitu Menteri Muda Pertanian, Menteri Muda Pos dan Kebajikan, Menteri Muda Pelajaran dan Menteri Muda Kesihatan. Walau bagaimanapun, sistem pentadbiran berkementerian ini hanya dapat dijalankan dalam jangka masa yang singkat sahaja apabila pada awal tahun 1970an sistem tersebut telah ditiadakan (Othman, 2004: 212-213).

Sementara itu, bagi memastikan sistem Pentadbiran Berkerajaan Sendiri dapat dilaksanakan secara menyeluruh agar dapat dinikmati oleh seluruh lapisan rakyat,

---

<sup>1</sup> Jawatan Timbalan Menteri Besar hanya diwujudkan pada tahun 1961 hingga 1965.

sistem pentadbiran daerah yang dikenali sebagai Jabatan Daerah telah ditubuhkan. Pentadbiran daerah ini diketuai oleh seorang Pegawai Daerah yang berperanan menjadi ketua pentadbir dan penyelaras dalam hal ehwal pentadbiran dan projek pembangunan daerah. Dasar utama dalam pembangunan daerah ialah menjaga kesejahteraan rakyat dan penduduk dengan memberikan perkhidmatan dan kemudahan asas yang diperlukan (Pg Sabtu, 1992/1993: 54-56).

Langkah penting yang dilaksanakan dalam usaha mengukuh dan melicinkan Pentadbiran Berkerajaan Sendiri ialah melalui penambahan beberapa buah jabatan kerajaan. Ini jelas dalam tempoh tiga tahun pertama Pentadbiran Berkerajaan Sendiri dilaksanakan, sebanyak sembilan buah jabatan kerajaan yang baru telah ditubuhkan yang sekali gus telah menambahkan bilangan jabatan kerajaan daripada 27 buah pada tahun 1959 menjadi 36 buah pada tahun 1962 (Muhammad, 1997: 123).

Manakala strategi yang dilaksanakan oleh jentera Pentadbiran Berkerajaan Sendiri lebih tertumpu kepada usaha-usaha pembangunan dalam negeri, berbeza dengan Pentadbiran Residen British sebelum ini yang lebih memberi perhatian kepada usaha pengeksploitasian ekonomi untuk kepentingan perdagangan antarabangsa mereka. Ini jelas apabila matlamat utama dalam tiga RKN lima tahun, iaitu RKN lima tahun yang kedua 1962-1966, RKN lima tahun yang ketiga 1975-1979 dan RKN lima tahun yang keempat 1980-1984 yang diadakan sepanjang tempoh ini, lebih memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur dan usaha mempelbagaikan ekonomi.

Melalui matlamat pembangunan infrastruktur yang terkandung dalam tiga RKN lima tahun tersebut telah mengubah rupa bentuk Brunei dengan adanya pelbagai kemudahan yang dibina. Apa yang nyata banyak bangunan telah dibina seperti sekolah

dan pusat latihan yang semakin bertambah, rumah sakit baharu di setiap daerah, klinik kesihatan di luar bandar, masjid dan balai ibadat, pejabat-pejabat kerajaan, perumahan untuk kakitangan kerajaan dan skim rumah perpindahan penduduk, kedai dan pasar, perpustakaan, muzium dan arkib negara dan stadium. Di samping itu, beberapa kemudahan perhubungan juga telah dapat dibina, antaranya jalan raya yang menghubungkan antara pusat bandar dengan kampung, pelabuhan air dalam dan lapangan terbang bagi kegunaan perhubungan perkapalan laut dan udara, penambahan talian telefon dan pembinaan pusat satelit bumi untuk menghubungkan Brunei dengan dunia luar. Selain itu, bagi meningkatkan kesejahteraan penduduk, bekalan air bersih dan tenaga elektrik juga telah diperluaskan sehingga ke kawasan luar bandar.

Manakala penekanan kepada usaha mempelbagaikan ekonomi dalam tiga RKN lima tahun tersebut adalah bagi melepaskan atau mengelak kebergantungan Brunei kepada satu sumber ekonomi sahaja, iaitu minyak. Ini memperlihatkan bahawa dasar pembangunan ekonomi Pentadbiran Berkerajaan Sendiri lebih menitikberatkan kepada pembangunan jangka panjang dan berterusan bagi menjamin kesejahteraan penduduk. Keadaan ini berbeza dengan dasar pembangunan ekonomi Pentadbiran Residen British sebelum ini yang lebih menumpukan kepada pengeksplotasian minyak sahaja.

Melalui usaha mempelbagaikan ekonomi ini diharap akan dapat meningkatkan pendapatan negara serta membukakan banyak peluang kepada para penduduk untuk melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi yang pada masa yang sama dapat meningkatkan taraf hidup mereka. Selain itu, usaha ini juga dilaksanakan bagi meningkatkan sumbangan sektor-sektor bukan minyak seperti pertanian, perikanan, perhutanan, pembinaan dan pembuatan terhadap ekonomi negara yang jauh ketinggalan pada lima tahun terakhir tempoh sebelum ini (1955-1959), berbanding sumbangan sektor

minyak yang menyumbangkan antara 83.9 hingga 93.7 peratus kepada pendapatan negara (lihat Jadual 5.1).

Untuk mencapai usaha mempelbagaikan ekonomi, Pentadbiran Berkerajaan Sendiri telah mengembangkan sektor bukan minyak sebagai satu proses yang berterusan. Tiga bahagian sektor bukan minyak telah dikenal pasti dalam rangka mencapai usaha ini iaitu sektor pertanian yang terdiri daripada pertanian dan perburuan, perhutanan dan pembalakan, dan perikanan; sektor perindustrian yang terdiri daripada perlombongan termasuk penggalian dan perkilangan, elektrik dan pembinaan; dan sektor perkhidmatan yang terdiri daripada perdagangan (borong dan runcit), restoran dan hotel, pengangkutan, penstoran dan perhubungan, perusahaan bank dan kewangan, insurans, harta rumah tangga dan perniagaan, pemilikan tempat kediaman dan perkhidmatan masyarakat, sosial dan perseorangan (Selamat, 1991: 51-52).

Penumpuan Pentadbiran Berkerajaan Sendiri dalam rangka memaju dan mengembangkan sektor bukan minyak jelas tergambar melalui beberapa langkah yang telah dilaksanakan. Antaranya menyediakan dan meningkatkan peruntukan perbelanjaan dan pelaburan; mewujudkan lebih banyak skim bantuan; menubuhkan satu badan berkuasa dalam jabatan kerajaan yang bertanggungjawab bagi memajukan perusahaan; melaksanakan program dan projek yang dapat memajukan peniaga dan usahawan; menubuhkan sebuah bank atau institusi kewangan bagi membekalkan kewangan yang diperlukan untuk perusahaan, perniagaan dan perdagangan; pengecualian cukai pendapatan dan duti import ke atas jentera, peralatan dan kemudahan lain bagi syarikat perintis; membuat penyiasatan terhadap beberapa faktor yang boleh membangun dan mengembangkan perusahaan; menimbangkan dasar dan langkah-langkah yang dikehendaki demi untuk menggalakkan serta meningkatkan lagi penyertaan sektor swasta

**Jadual 5.1:** Peratus Jumlah Pengeluaran Negara 1955-1960 (*RKN Lima Tahun 1962-1966: 4*)

<b>Perusahaan</b>	<b>1955 %</b>	<b>1956 %</b>	<b>1957 %</b>	<b>1958 %</b>	<b>1959 %</b>	<b>1960 %</b>
Pertanian	1.7	1.5	0.9	0.7	1.3	2.2
Perikanan	0.2	0.7	0.3	0.9	1.4	1.6
Perhutanan	0.5	0.4	0.2	0.3	0.7	0.9
Minyak dan Gas	85.6	84.3	84.8	93.7	83.9	80.3
Perniagaan	7.6	7.6	7.0	6.1	4.5	5.2
Kenderaan	-	-	-	-	0.3	0.7
Pembinaan	0.8	0.4	0.4	1.3	1.1	1.2
Pembuatan	0.8	0.8	0.8	0.9	0.9	1.1
Kerajaan	2.5	4.0	5.2	5.6	5.2	5.9
Hasil dari Harta-Harta Kerajaan	0.1	0.2	0.2	0.2	0.2	0.2
Perkhidmatan dalam Rumah-Rumah Orang	0.3	0.3	0.4	0.4	0.4	0.6
Jumlah	100	100	100	100	100	100

dari dalam dan luar negeri, menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur untuk perusahaan; memperkenalkan dan meningkatkan teknologi moden dan sebagainya (Kapli, 1991: 37 & 71-72; Jalan, 1990: 61-80).

Dengan adanya usaha dan langkah yang dilaksanakan oleh Pentadbiran Berkerajaan Sendiri ini telah memberi kesan yang positif kepada perusahaan perikanan. Ini jelas apabila Pentadbiran Berkerajaan Sendiri telah terlibat secara langsung dalam pembangunan dan perkembangan perusahaan perikanan. Penglibatan Pentadbiran Berkerajaan Sendiri jelas tergambar melalui beberapa projek pembangunan perusahaan perikanan telah dirancang dan dimuatkan dalam RKN lima tahun. Di samping itu, satu draf eksekutif Pembangunan Perikanan (*Development of Fisheries*) telah disediakan pada tahun 1964. Melalui draf ini beberapa langkah yang perlu dilaksanakan dalam usaha membangunkan semua aspek perusahaan perikanan telah dicadangkan. Langkah utama yang dicadangkan dalam draf tersebut ialah penubuhan sebuah Jabatan Perikanan yang dipertanggungjawabkan untuk memajukan perusahaan perikanan (*Development of Fisheries*, 1964).

Berikutan dengan draf tersebut, Jabatan Perikanan Brunei telah ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1966 dengan melantik Elmar Birkenmeier sebagai Pegawai Perikanan Negara yang pertama (*Brunei Annual Report*, 1966: 108). Semenjak dari penubuhan Jabatan Perikanan tersebut, pengurusan dan pembangunan perusahaan perikanan di Brunei telah dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan bersistematik. Tujuan utama pembangunan perusahaan perikanan yang dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan ini adalah untuk meningkatkan kuantiti pendaratan sumber perikanan bagi memenuhi peningkatan permintaan sumber perikanan tempatan dan mengurangkan kuantiti import sumber perikanan yang semakin meningkat pada tempoh sebelum ini.

## **5.2 Perkembangan Ekonomi Semasa Brunei Berkerajaan Sendiri**

Ekonomi Brunei mengalami pertumbuhan yang pesat selepas memperoleh status Berkerajaan Sendiri. Pada tahun 1960, KDNK Brunei dianggarkan berjumlah 302.6 juta dan pada tahun 1983 KDNK telah meningkat kepada 8.2 bilion. Secara umum pada tempoh ini, ekonomi Brunei berkembang pada kadar 14.7 peratus setahun. Walau bagaimanapun, pertumbuhan pesat ini masih bergantung kepada perkembangan pesat sektor minyak yang menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan KDNK. Ini jelas apabila pada sepanjang tempoh ini peratus sumbangan sektor minyak sentiasa mengatasi peratus sumbangan sektor bukan minyak (lihat Jadual 5.2).

### **5.2.1 Sektor Minyak**

Walaupun Pentadbiran Berkerajaan Sendiri memberi tumpuan kepada pembangunan sektor bukan minyak, namun sumber ekonomi Brunei masih sama seperti yang berlaku sewaktu Pentadbiran Residen British II, iaitu ekonomi yang bersumberkan sektor minyak. Jadual 5.2 memperlihatkan sektor minyak merupakan sektor utama bagi ekonomi Brunei. Sektor ini telah menyumbangkan sebanyak \$243.1 juta kepada KDNK pada tahun 1960 dan meningkat dengan drastiknya kepada lebih kurang \$9.5 bilion pada tahun 1980.

#### **5.2.1.1 Minyak Mentah**

Eksport minyak mentah merupakan tulang belakang ekonomi Brunei sepanjang tempoh ini. Pada tahun 1961, nilai eksport minyak mentah telah mencatatkan sebanyak lebih kurang \$224 juta. Walau bagaimanapun nilai eksport minyak mentah pada peringkat awal tempoh ini (1961-1973) hanya mengalami pertumbuhan yang perlahan sahaja. Menjelang tahun 1974, barulah nilai eksport minyak mentah meningkat dengan drastik sehingga mencecah hampir \$2 bilion. Peningkatan ini disebabkan oleh kuantiti minyak



**Jadual 5.2:** Nilai dan Peratus Sumbangan Keluaran Dalam Negeri Kasar Pada Harga Semasa Tahun 1960-1983 (*BDSYB*, Pelbagai keluaran; *RKN Lima Tahun 1962-1966, 1986-1990 & 1991-1995*)

Tahun	KDNK		Sektor Minyak*		Sektor Bukan Minyak	
	Juta \$	Peratus	Juta \$	Peratus	Juta \$	Peratus
1960	302.6	100.0	243.1	80.3	59.5	19.7
1961	313.4	100.0	227.3	72.5	86.1	27.5
1962	295.7	100.0	203.4	68.8	92.3	31.2
1963	283.3	100.0	176.0	62.1	107.3	37.9
1964	300.5	100.0	180.0	59.9	120.5	40.1
1965	349.1	100.0	193.9	55.5	155.2	44.5
1966	406.4	100.0	217.9	53.6	188.5	46.4
1967	425.6	100.0	243.0	57.1	182.6	42.9
1968	492.4	100.0	275.4	55.9	217.0	44.1
1969	499.5	100.0	268.4	53.7	231.1	46.3
1970	548.2	100.0	285.1	52.0	263.1	48.0
1971	602.9	100.0	314.8	52.2	288.1	47.8
1972	763.6	100.0	479.6	62.8	284.0	37.2
1973	977.0	100.0	758.6	77.6	218.4	22.4
1974	2,616.3	100.0	2,301.7	88.0	314.6	12.0
1975	2,770.1	100.0	2,382.6	86.0	387.5	14.0
1976	3,516.2	100.0	3,052.8	86.8	463.4	13.2
1977	4,227.0	100.0	3,594.0	85.0	633.0	15.0
1978	4,415.2	100.0	3,706.9	84.0	708.3	16.0
1979	6,097.0	100.0	5,333.0	87.5	764.0	12.5
1980	10,553.3	100.0	9,529.2	90.3	1,024.3	9.7
1981	9,224.7	100.0	8,010.2	86.8	1,214.5	13.2
1982	9,125.5	100.0	7,549.7	82.7	1,575.8	17.3
1983	8,123.9	100.0	6,530.3	80.4	1,593.6	19.6

Nota: \* - 1961-1973 Sektor Minyak Termasuk Pengeluaran Kuari.

mentah yang dihasilkan telah meningkat sehingga 202,000 tong sehari (Sritua Arief, 1986: 63) dan juga kenaikan harga pasaran minyak dunia daripada purata US\$3.00 setong kepada US\$12.00 setong<sup>2</sup> (Williams, 1996-2011).

Harga pasaran minyak dunia meningkat lagi pada akhir tahun 1979 kepada US\$38.00 setong berikutan peperangan antara Iran dan Iraq di Timur Tengah (Williams, 1996-2011). Keadaan ini secara langsung telah meningkatkan nilai eksport minyak mentah Brunei sehingga mencecah \$6 bilion pada tahun 1980 iaitu nilai eksport tertinggi pada sepanjang tempoh ini. Selain itu, peningkatan ini juga disebabkan pertambahan sehingga 650 buah telaga minyak yang berjaya digali dan kekurangan bekalan minyak dunia yang memberi kemudahan kepada Brunei untuk mendapatkan pembeli (*Brunei*, 1978-1981: 20 & 43). Namun demikian pada tahun 1981, berlaku lebih bekalan minyak di pasaran dunia yang menyebabkan Brunei mengehadkan kuantiti penghasilan minyak kepada 175,000 tong sehari. Keadaan ini telah menyebabkan nilai eksport minyak mentah Brunei mengalami penurunan kepada lebih kurang \$4 bilion pada tiga tahun terakhir tempoh ini (lihat Jadual 5.3).

#### **5.2.1.2 Gas Asli**

Selain daripada minyak mentah, gas asli juga menjadi salah satu komoditi eksport terpenting daripada sektor minyak. Nilai gas asli yang hanya menyumbangkan sebanyak \$748 ribu pada tahun 1961 telah meningkat dengan pesat pada penghujung tempoh ini sebanyak \$2.9 bilion. Walau bagaimanapun, sama seperti keadaan minyak mentah, nilai eksport gas asli juga mengalami keadaan yang kurang memberangsangkan apabila sering mengalami pertumbuhan turun naik pada 12 tahun pertama tempoh ini. Setelah

---

<sup>2</sup> Kenaikan harga minyak ini disebabkan Peperangan Yom Kippur apabila Syria dan Mesir mula melancarkan serangan terhadap Israel pada 5 Oktober 1973 yang sekali gus menyebabkan Pertubuhan Negara-Negara Pengeluar Minyak dan Pengeksport Minyak (OPEC) membatalkan penjualan minyak kepada negara-negara yang menyokong Israel.

**Jadual 5.3:** Pengeluaran dan Eksport Minyak Mentah 1960-1983 (*BDSYB*, Pelbagai keluaran; Sritua Arief, 1986: 63; Ak Matsah, 1988/1989: 70-72)

Tahun	Pengeluaran	Eksport		
	Tong Sehari	Tong Sehari	Nilai/ Peratus Pertumbuhan	
			B\$Ribu	%
1960	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.
1961	t.d.	t.d.	224,104	-
1962	t.d.	t.d.	190,061	-15.19
1963	t.d.	t.d.	175,748	- 7.53
1964	t.d.	t.d.	175,790	0.024
1965	t.d.	t.d.	190,585	8.42
1966	t.d.	t.d.	213,028	11.78
1967	t.d.	t.d.	235,511	10.55
1968	t.d.	t.d.	268,356	13.95
1969	t.d.	t.d.	254,792	- 5.05
1970	t.d.	t.d.	276,538	8.53
1971	t.d.	t.d.	304,815	10.23
1972	t.d.	t.d.	462,054	51.59
1973	t.d.	t.d.	762,376	64.00
1974	202,000	t.d.	1,970,248	158.44
1975	192,000	182,000	1,939,913	- 1.54
1976	221,000	209,000	2,428,442	25.18
1977	230,000	225,000	2,704,684	11.38
1978	240,000	240,000	2,618,654	- 3.18
1979	261,000	261,000	3,936,427	50.32
1980	240,000	238,000	6,090,173	54.71
1981	175,000	174,000	4,777,823	- 21.55
1982	179,000	175,000	4,572,515	- 4.30
1983	179,000	178,000	4,000,206	- 12.52

Nota: t.d. – tiada data

penemuan dan pembinaan kilang gas cecair asli (LNG) yang terbesar di dunia yang mula beroperasi pada tahun 1972<sup>3</sup> (Brunei, 1982: 55), barulah nilai eksport mengalami pertumbuhan yang stabil dan sentiasa meningkat dari setahun ke setahun kecuali pada dua tahun terakhir tempoh ini. Namun demikian, pada tahun 1981 iaitu sebelum berlakunya pertumbuhan negatif pada dua tahun terakhir tempoh ini, gas asli telah mencatatkan nilai eksport tertinggi iaitu sebanyak \$3.4 bilion (lihat Jadual 5.4).

### **5.2.1.3 Keluaran Petroleum**

Untuk mengimbangi ketidakstabilan pertumbuhan nilai eksport komoditi minyak mentah dan gas asli pada peringkat awal tempoh ini, Pentadbiran Berkerajaan Sendiri telah menggalakkan penghasilan komoditi hiliran (*downstream*) daripada sektor minyak. Beberapa keluaran petroleum seperti gasolin motor, diesel dan *liquified petroleum gas* telah berjaya dihasilkan dan dieksport. Pada tahun 1961 nilai eksport keluaran petroleum hanya mencatatkan sebanyak \$233 ribu. Tiga tahun kemudian iaitu pada tahun 1964 nilai eksport keluaran petroleum telah melebihi \$3 juta iaitu pertumbuhan yang sangat drastik daripada tahun sebelumnya yang hanya mencatatkan sebanyak \$236 ribu. Malahan pada tahun tersebut sehingga tahun 1972, nilai eksport keluaran petroleum telah mengatasi nilai eksport gas asli yang sekali gus menjadikan keluaran petroleum sebagai komoditi kedua terpenting. Pada tahun 1980, nilai eksport keluaran petroleum telah mencapai kemuncaknya pada sepanjang tempoh ini yang bernilai kira-kira \$577 juta (lihat Jadual 5.4).

### **5.2.2 Sektor Bukan Minyak**

Peratus sumbangan sektor bukan minyak terhadap KDNK sepanjang tempoh ini tidak pernah mengatasi peratus sumbangan sektor minyak (lihat Jadual 5.2). Secara umumnya

---

<sup>3</sup> Kilang gas cecair asli (LNG) mula dibina pada tahun 1971.

**Jadual 5.4:** Nilai dan Peratus Pertumbuhan Eksport Gas Asli dan Keluaran Petroleum Tahun 1960-1983 (*BDSYB*, Pelbagai keluaran)

Tahun	Gas Asli		Keluaran Petroleum	
	Nilai Eksport \$ Ribu	Peratus Pertumbuhan	Nilai Eksport \$ Ribu	Peratus Pertumbuhan
1960	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.
1961	748	-	233	-
1962	745	-0.4	340	45.9
1963	657	-11.8	236	-30.6
1964	540	-17.8	3,071	1201.3
1965	555	2.8	1,463	-52.4
1966	741	33.5	2,624	79.4
1967	1,121	51.3	2,313	-11.9
1968	1,095	-2.3	2,848	23.1
1969	832	-24.0	2,573	-9.7
1970	840	1.0	2,515	-2.3
1971	537	-36.1	2,520	0.2
1972	1,952	263.5	3,141	24.6
1973	46,511	2282.7	18,627	493.0
1974	291,094	525.9	86,579	364.8
1975	424,969	46.0	97,857	13.0
1976	685,215	61.2	146,368	49.6
1977	1,121,284	63.6	126,812	-13.4
1978	1,320,809	17.8	165,185	30.3
1979	1,480,439	12.1	285,635	72.9
1980	3,045,410	105.7	577,113	102.0
1981	3,397,243	11.6	322,869	-44.1
1982	3,274,697	-3.6	226,269	-29.9
1983	2,891,414	-11.7	199,959	-11.6

Nota: t.d. – tiada data

peratus sumbangan sektor bukan minyak yang terdiri daripada sektor perkhidmatan, perindustrian, pertanian, perhutanan dan perikanan masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan peratus sumbangan sektor minyak. Misalnya pada tahun 1960 peratus sumbangan sektor ini hanya mencatatkan sebanyak 19.7 peratus. Walaupun pada tahun 1962 hingga tahun 1972, peratus sumbangan sektor bukan minyak dapat mengimbangi peratus sumbangan sektor minyak apabila berjaya mencatatkan sumbangan yang menggalakkan iaitu antara 31.2 hingga 48 peratus, namun keadaan ini tidak dapat dikekalkan sehingga ke akhir tempoh ini. Ini jelas apabila pada tahun 1973, sumbangan sektor bukan minyak hanya mencatatkan 22.4 peratus sahaja. Keadaan ini bertambah teruk lagi apabila harga pasaran minyak dunia mula meningkat pada tahun 1974. Mulai tahun tersebut hingga ke akhir tempoh ini, peratus sumbangan sektor bukan minyak jauh ketinggalan di belakang sumbangan sektor minyak, purata sumbangan sektor bukan minyak tidak pernah mencecah 20 peratus.

#### **5.2.2.1 Sektor Perkhidmatan**

Sektor perkhidmatan merupakan sektor terpenting dan penyumbang utama dalam sektor bukan minyak. Pada tahun 1960, sektor ini telah menyumbangkan sebanyak \$38.2 juta (12.6 peratus) terhadap KDNK. Nilai sumbangan sektor ini kecuali pada tahun 1973 sentiasa meningkat dari tahun-tahun sebelumnya. Pada dua tahun penghujung tempoh ini, nilai sumbangan sektor ini telah mencapai \$1.1 bilion. Namun demikian, peratus sumbangan sektor ini hanya mencatatkan peratus yang memberangsangkan pada tempoh tahun 1963 hingga 1972 sahaja. Disebabkan peningkatan drastik nilai eksport sektor minyak pada tahun 1973 hingga penghujung tempoh ini, peratus sumbangan sektor perkhidmatan telah mengalami penurunan. Pada tempoh itu, purata sumbangan sektor ini tidak pernah melebihi 15.0 peratus (lihat Jadual 5.5).

**Jadual 5.5:** Nilai dan Peratus Sumbangan Sektor Perkhidmatan Terhadap Keluaran Dalam Negeri Kasar Pada Harga Semasa Tahun 1960-1983 (*BDSYB*, Pelbagai keluaran; *RKN Lima Tahun 1962-1966, 1986-1990 & 1991-1995*)

Tahun	KDNK Juta \$	Sektor Perkhidmatan	
		Juta \$	Peratus
1960	302.6	38.2	12.6
1961	313.4	52.3	16.7
1962	295.7	58.0	19.6
1963	283.3	72.2	25.5
1964	300.5	84.3	28.1
1965	349.1	113.6	32.5
1966	406.4	125.4	30.9
1967	425.6	127.8	30.0
1968	492.4	150.9	30.6
1969	499.5	152.0	30.4
1970	548.2	163.5	29.8
1971	602.9	188.3	31.2
1972	763.6	190.8	25.0
1973	977.0	132.2	13.5
1974	2,616.3	212.5	8.1
1975	2,770.1	253.5	9.2
1976	3,516.2	301.6	8.6
1977	4,227.0	444.4	10.5
1978	4,415.2	503.7	11.4
1979	6,097.0	557.2	9.1
1980	10,553.3	740.0	7.0
1981	9,224.7	858.6	9.3
1982	9,125.5	1,127.7	12.4
1983	8,123.9	1,162.3	14.3

#### **5.2.2.2 Sektor Perindustrian**

Sektor perindustrian yang terdiri daripada perlombongan, penggalian dan perkilangan, elektrik dan pembinaan juga memainkan peranan yang penting dalam perkembangan ekonomi Brunei pada tempoh ini. Sumbangan sektor ini terhadap KDNK yang hanya berjumlah \$7.1 juta pada tahun 1960, telah berjaya ditingkatkan kepada \$370.8 juta pada tahun 1982, iaitu nilai sumbangan tertinggi pada tempoh ini. Walaupun pada sepanjang tempoh ini, peratus sumbangan sektor perindustrian terhadap KDNK tidak pernah melebihi 15.0 peratus, namun mulai tahun 1963 hingga penghujung tempoh ini, sektor ini menjadi penyumbang kedua terpenting di belakang sektor perkhidmatan dalam sektor bukan minyak (lihat Jadual 5.6).

Di samping itu, mulai tahun 1978 hingga penghujung tempoh ini, beberapa komoditi daripada sektor perindustrian seperti komoditi ais krim; komoditi besi, tembaga, aluminium, sisa dan buangan; komoditi batu bata dan tembikar bangunan; dan komoditi perabot dan ganti telah berjaya dieksport. Pada tahun tersebut, nilai eksport komoditi-komoditi ini telah menyumbangkan sebanyak \$1.295.7 ribu iaitu \$4.3 ribu daripada komoditi ais krim; \$1,216 ribu daripada komoditi besi, tembaga, aluminium, sisa dan buangan; \$29.1 ribu daripada komoditi batu-bata, tembikar bangunan; dan \$46.3 ribu daripada komoditi perabot dan ganti. Walau bagaimanapun, nilai eksport daripada komoditi-komoditi ini kecuali komoditi perabot dan ganti sering mengalami keadaan turun naik.

Manakala dari segi nilai eksport tertinggi pula, komoditi ais krim dan komoditi batu-bata dan tembikar bangunan dicatatkan pada tahun 1981 yang masing-masing bernilai \$425.1 ribu dan \$1.7 juta. Komoditi besi, tembaga, aluminium, sisa dan buangan pula mencatatkan nilai tertingginya pada tahun 1979 yang bernilai lebih kurang



**Jadual 5.6:** Nilai dan Peratus Sumbangan Sektor Perindustrian Terhadap Keluaran Dalam Negeri Kasar Pada Harga Semasa Tahun 1960-1983 (*BDSYB*, Pelbagai keluaran; *RKN Lima Tahun 1962-1966, 1986-1990 & 1991-1995*)

Tahun	KDNK	Sektor Perindustrian	
	Juta \$	Juta \$	Peratus
1960	302.6	7.1	2.3
1961	313.4	15.5	4.9
1962	295.7	15.6	5.3
1963	283.3	17.6	6.2
1964	300.5	18.7	6.2
1965	349.1	24	6.9
1966	406.4	45.7	11.2
1967	425.6	37.6	8.8
1968	492.4	46.3	9.4
1969	499.5	56.8	11.4
1970	548.2	77.9	14.2
1971	602.9	78.3	13.0
1972	763.6	71.9	9.4
1973	977.0	63.1	6.5
1974	2,616.3	66.9	2.6
1975	2,770.1	96.6	3.5
1976	3,516.2	123.2	3.5
1977	4,227.0	145.7	3.4
1978	4,415.2	157.1	3.6
1979	6,097.0	151.7	2.5
1980	10,553.3	217	2.1
1981	9,224.7	291.6	3.2
1982	9,125.5	370.8	4.1
1983	8,123.9	351.7	4.3

\$1.9 juta. Walaupun, nilai eksport bagi komoditi perabot dan ganti sentiasa meningkat setiap tahun, namun nilai tertingginya hanya bernilai sebanyak \$241.3 ribu yang dicatatkan pada penghujung tempoh ini (lihat Jadual 5.7).

### **5.2.2.3 Sektor Pertanian**

Salah satu sektor bukan minyak yang sangat diberi perhatian oleh Pentadbiran Berkerajaan Sendiri dalam RKN lima tahun ialah sektor pertanian. Pelbagai langkah telah dilaksanakan dalam usaha memastikan kemajuan sektor ini. Namun demikian, sumbangan sektor ini terhadap KDNK masih jauh tertinggal dibandingkan dengan sumbangan sektor-sektor lain. Pada sepanjang tempoh ini, nilai tertinggi sumbangan sektor ini hanya bernilai \$56.9 juta yang dicatatkan pada tahun terakhir tempoh ini. Manakala peratus sumbangan tertinggi dicatatkan pada tahun 1962 iaitu sebanyak 4.0 peratus (lihat Jadual 5.8). Keadaan ini disebabkan oleh hanya tiga komoditi daripada pelbagai komoditi daripada sektor pertanian yang termasuk dalam komoditi utama eksport Brunei iaitu komoditi getah asli, komoditi kulit lembu dan kerbau dan komoditi lada hitam dan putih. Nilai eksport ketiga-tiga komoditi pertanian ini tidak dapat menghasilkan nilai yang menggalakkan.

Getah asli yang menjadi komoditi eksport kedua terpenting pada tempoh sebelum ini, hanya dapat dikekalkan hingga ke tahun 1963 apabila kedudukannya telah diambil alih oleh komoditi keluaran petroleum dan gas asli. Selain itu, nilai eksport getah asli pada tempoh ini, sering mengalami pertumbuhan negatif daripada tahun-tahun sebelumnya. Hal ini disebabkan harga nilai getah asli yang menurun pada setiap tahun. Misalnya, pada tahun 1967 harga getah asli hanya bernilai 46 sen sekati (*Brunei Annual Report*, 1967: 45). Keadaan ini semakin bertambah teruk lagi apabila ramai penoreh getah telah beralih pekerjaan menjadi buruh dalam pembinaan jalan raya dan bangunan

**Jadual 5.7:** Nilai Eksport Perusahaan Ais Krim; Perusahaan Besi, Tembaga, Aluminium, Sisa dan Buangan; Perusahaan Batu Bata, Tembikar Bangunan; dan Perusahaan Perabot dan Ganti Tahun 1978-1983 (*BDSYB*, Pelbagai keluaran)

Tahun	A (B\$Ribu)	B (B\$Ribu)	C (B\$Ribu)	D (B\$Ribu)
1978	4.3	1,216	29.1	46.3
1979	9.8	1,994	234.5	72.3
1980	249.6	407	1,025.8	88.0
1981	425.1	558	1,798.5	141.7
1982	389.6	1,050	1,598.3	178.4
1983	338	1,026	1,535	241.3

Petunjuk: A - Komoditi Ais Krim  
 B - Komoditi Besi, Tembaga, Aluminium, Sisa dan Buangan  
 C - Komoditi Batu Bata, Tembikar Bangunan  
 D - Komoditi Perabot dan Ganti

**Jadual 5.8:** Nilai dan Peratus Sumbangan Sektor Pertanian Terhadap Keluaran Dalam Negeri Kasar Pada Harga Semasa Tahun 1960-1983 (*BDSYB*, Pelbagai keluaran; *RKN Lima Tahun 1962-1966, 1986-1990 & 1991-1995*)

Tahun	KDNK	Sektor Pertanian	
	Juta \$	Juta \$	Peratus
1960	302.6	6.6	2.2
1961	313.4	11.4	3.6
1962	295.7	11.8	4.0
1963	283.3	10.1	3.6
1964	300.5	11.2	3.7
1965	349.1	9.9	2.8
1966	406.4	10.3	2.5
1967	425.6	10.5	2.5
1968	492.4	12.8	2.6
1969	499.5	14.9	3.0
1970	548.2	14.1	2.6
1971	602.9	14.9	2.5
1972	763.6	14.6	1.9
1973	977.0	14.6	1.5
1974	2,616.3	27.3	1.0
1975	2,770.1	25.9	0.9
1976	3,516.2	24.1	0.7
1977	4,227.0	23.2	0.5
1978	4,415.2	25.9	0.6
1979	6,097.0	28.3	0.5
1980	10,553.3	51.4	0.5
1981	9,224.7	43.5	0.5
1982	9,125.5	52.7	0.6
1983	8,123.9	56.9	0.7

(*Brunei Annual Report*, 1967: 45). Pada sepanjang tempoh ini, nilai eksport tertinggi getah asli dicatatkan pada tahun 1961 yang bernilai kira-kira \$3 juta. Bagaimanapun, nilai ini semakin merudum jatuh ke paras yang sangat rendah iaitu hanya bernilai \$400 sahaja pada tahun 1982 (lihat Jadual 5.9).

Keadaan yang sama juga berlaku terhadap nilai eksport komoditi kulit lembu dan kerbau dan komoditi lada hitam dan putih. Nilai eksport yang diperoleh daripada kedua-dua komoditi ini masih di tahap yang rendah. Ini jelas apabila nilai eksport tertinggi pada tempoh ini hanya bernilai \$117.2 ribu bagi komoditi kulit lembu dan kerbau, \$72.2 ribu bagi komoditi lada hitam dan bagi komoditi lada putih bernilai \$77.9 ribu. Malahan pada tahun-tahun terakhir tempoh ini, tiada catatan tentang nilai eksport bagi kedua-dua komoditi ini. Walaupun pada tahun terakhir tempoh ini, nilai eksport komoditi lada hitam dicatatkan semula tetapi nilainya hanya berjumlah \$600 sahaja (lihat Jadual 5.9).

#### **5.2.2.4 Sektor Perhutanan**

Pentadbiran Berkerajaan Sendiri juga cuba meneruskan penghasilan beberapa komoditi daripada sumber perhutanan yang pernah diusahakan semasa Pentadbiran Residen British sebelum ini. Antara komoditi sektor perhutanan yang berjaya dihasilkan ialah getah jelutung, kayu balak, kayu api, kayu arang, kayu tiang, kayu bergergaji dan rotan. Walaupun pelbagai jenis komoditi dapat dihasilkan daripada sektor ini, namun sumbangannya terhadap KDNK sering mengalami keadaan turun naik dari setahun ke setahun. Nilai tertinggi sumbangan sektor ini terhadap KDNK hanya bernilai lebih kurang \$15.4 juta yang dicatatkan pada tahun 1982. Peratus sumbangan sektor ini pula sangat jauh tertinggal apabila tidak pernah mencapai satu peratus daripada nilai keseluruhan KDNK (lihat Jadual 5.10).

**Jadual 5.9:** Nilai Eksport Getah Asli; Kulit Lembu dan Kerbau; Lada Hitam dan Lada Putih Tahun 1960-1983 (*BDSYB*, Pelbagai keluaran)

Tahun	Getah Asli (Ribu \$)	Kulit Lembu dan Kerbau (Ribu \$)	Lada Hitam (Ribu \$)	Lada Putih (Ribu \$)
1960	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.
1961	3,076	27	5.7	45
1962	2,349	25	4.7	51.1
1963	1,757	25	2.9	23.7
1964	1,730	25	5.0	12.7
1965	1,179	32	8.9	77.9
1966	888	40	1.7	18.3
1967	469	38	0.4	0.2
1968	149	60	-	-
1969	443	20	6.4	17.1
1970	399	48	1.5	10.2
1971	148	44	29.0	33.4
1972	58	43	1.3	18.2
1973	461	49	3.2	61.4
1974	795	56	6.4	43.1
1975	222	34	1.9	5.9
1976	611	41	15.6	74.5
1977	500	40	16.9	51.5
1978	457	67.9	59.4	7.4
1979	783	75.8	72.2	8.5
1980	796.3	117.2	11.0	4.5
1981	0.6	-	-	17.5
1982	0.4	-	-	-
1983	100.7	-	0.6	-

Nota: t.d – tiada data

**Jadual 5.10:** Nilai dan Peratus Sumbangan Sektor Perhutanan Terhadap Keluaran Dalam Negeri Kasar Pada Harga Semasa Tahun 1960-1983 (*BDSYB*, Pelbagai keluaran; *RKN Lima Tahun 1962-1966, 1986-1990 & 1991-1995*)

Tahun	KDNK	Sektor Perhutanan	
	Juta \$	Juta \$	Peratus
1960	302.6	2.8	0.9
1961	313.4	2.0	0.6
1962	295.7	1.6	0.5
1963	283.3	1.5	0.5
1964	300.5	1.7	0.6
1965	349.1	2.4	0.7
1966	406.4	2.4	0.6
1967	425.6	2.9	0.7
1968	492.4	3.0	0.6
1969	499.5	3.4	0.7
1970	548.2	3.5	0.6
1971	602.9	3.5	0.6
1972	763.6	3.0	0.4
1973	977.0	3.5	0.4
1974	2,616.3	3.1	0.1
1975	2,770.1	4.3	0.2
1976	3,516.2	5.3	0.2
1977	4,227.0	5.7	0.1
1978	4,415.2	4.8	0.1
1979	6,097.0	5.5	0.1
1980	10,553.3	8.3	0.1
1981	9,224.7	12.2	0.1
1982	9,125.5	15.4	0.2
1983	8,123.9	11.4	0.1

Di samping itu, hanya tiga komoditi daripada sektor ini iaitu getah jelutung, kayu balak bulat dan kayu bergergaji sahaja termasuk dalam komoditi eksport utama Brunei. Namun demikian, nilai eksport yang diperoleh daripada ketiga-tiga komoditi ini kurang menggalakkan. Ini jelas apabila nilai eksport getah jelutung yang mencatatkan sebanyak \$338 ribu pada tahun 1961 telah menurun dengan teruknya kepada hanya \$35 ribu pada tahun 1977. Pada tahun berikutnya hingga akhir tempoh ini, getah jelutung tidak lagi menjadi komoditi eksport Brunei.

Begitu juga dengan nilai eksport komoditi kayu balak yang juga mengalami kemerosotan pada setiap tahun daripada \$496 ribu pada tahun 1961 kepada \$12 ribu pada tahun 1976. Salah satu faktor yang menyebabkan keadaan ini berlaku ialah dasar Pentadbiran Berkerajaan Sendiri yang hanya membenarkan pengeksportan kayu balak dalam jumlah yang kecil sahaja (*Brunei*, 1978-1981: 46). Berbeza pula dengan komoditi kayu bergergaji, disebabkan tiada sebarang sekatan terhadap pengeksportan kayu bergergaji dari jenis kayu rumin telah membolehkan ia kekal menjadi komoditi eksport utama sehingga ke akhir tempoh ini (*Brunei Annual Report*, 1976: 83). Walau bagaimanapun, nilai eksport kayu bergergaji sering mengalami keadaan turun naik dari tahun-tahun sebelum ini. Nilai tertinggi eksport kayu bergergaji pada tempoh ini bernilai \$961 ribu yang dicatatkan pada tahun 1976 (lihat Jadual 5.11).

#### **5.2.2.5 Sektor Perikanan**

Sektor perikanan yang mula menampakkan perkembangan yang memberangsangkan pada tempoh sebelum ini juga memberikan sumbangan kepada KDNK. Bagaimanapun, pada tahun 1960an hingga 1970an, sumbangan sektor ini sering mengalami keadaan turun naik dari setahun ke setahun. Nilai tertinggi yang dicatatkan pada tempoh tersebut hanya bernilai \$5.9 juta yang dicatatkan pada tahun 1963. Pada tahun 1980an, barulah nilai sumbangan sektor ini memperlihatkan pertumbuhan yang lebih baik. Ini jelas apabila



**Jadual 5.11:** Nilai Eksport Getah Jelutung, Kayu Balak Bulat dan Kayu Bergergaji  
Tahun 1960-1983 (*BDSYB*, Pelbagai keluaran)

Tahun	Getah Jelutung (Ribu \$)	Kayu Balak Bulat (Ribu \$)	Kayu Bergergaji (Ribu \$)
1960	t.d.	t.d.	t.d.
1961	338	496	124
1962	325	294	82
1963	215	115	169
1964	197	42	187
1965	176	46	238
1966	136	9	174
1967	133	38	144
1968	111	-	289
1969	151	-	163
1970	97	-	342
1971	150	-	214
1972	142	-	164
1973	64	30	523
1974	94	-	539
1975	71	-	325
1976	33	12	961
1977	35	-	791
1978	-	-	206.0
1979	-	-	300.9
1980	-	-	80.1
1981	-	-	157.8
1982	-	-	63.9
1983	-	-	167.9

Nota: t.d – tiada data

sumbangan sektor ini telah meningkat daripada \$7.6 juta pada tahun 1980 kepada \$11.3 juta pada penghujung tempoh ini. Walaupun nilai eksport dapat ditingkatkan pada empat tahun terakhir tempoh ini, namun peratus sumbangan sektor ini telah mengalami kemerosotan daripada 2.1 peratus pada tahun 1964 menjadi hanya 0.1 peratus pada tahun 1977 hingga 1983 (lihat Jadual 5.12).

Keadaan yang kurang menggalakkan ini disebabkan kuantiti hasil pendaratan sumber perikanan yang tidak menentu pada setiap tahun. Kuantiti tertinggi hasil pendaratan sumber perikanan yang dipasarkan dicatatkan pada tahun 1963 sebanyak 3,910 tan metrik. Pada tahun berikutnya hingga ke akhir tempoh ini, kuantiti hasil pendaratan yang dipasarkan tidak pernah mengatasi kuantiti tersebut. Hal ini bertambah buruk lagi apabila permintaan sumber perikanan tempatan semakin meningkat yang menyebabkan hasil perikanan yang didaratkan tidak dapat memenuhi permintaan tersebut. Keadaan ini secara tidak langsung telah meningkatkan dengan drastiknya kuantiti import sumber perikanan daripada 67 tan metrik pada tahun 1963 kepada 2,513 tan metrik pada tahun 1983 (lihat Jadual 5.13).

### **5.3 Pertambahan Penduduk Semasa Brunei Berkerajaan Sendiri**

Bilangan penduduk Brunei telah meningkat dengan drastiknya pada tempoh Brunei Berkerajaan Sendiri. Berdasarkan kepada banci penduduk Brunei yang dijalankan pada tahun 1960, 1971 dan 1981 menunjukkan bahawa penduduk Brunei telah meningkat sebanyak 129.9 peratus, daripada 83,877 orang pada tahun 1960 kepada 192,832 orang pada tahun 1981. Komuniti yang tergolong dalam kategori Melayu dan Puak Asli lain merupakan penduduk terbanyak. Pada tahun 1981, golongan ini berjumlah 140,892 orang (73.1 peratus) berbanding hanya 59,203 orang (70.6 peratus) pada tahun 1960. Walaupun peratusan bagi komuniti Cina telah mengalami penurunan daripada 26.0 peratus pada

**Jadual 5.12:** Nilai dan Peratus Sumbangan Sektor Perikanan Terhadap Keluaran Dalam Negeri Kasar Pada Harga Semasa Tahun 1960-1983 (*BDSYB*, Pelbagai keluaran; *RKN Lima Tahun 1962-1966, 1986-1990 & 1991-1995*)

Tahun	KDNK	Sektor Perikanan	
	Juta \$	Juta \$	Peratus
1960	302.6	4.8	1.6
1961	313.4	4.9	1.6
1962	295.7	5.3	1.8
1963	283.3	5.9	2.1
1964	300.5	4.6	1.5
1965	349.1	5.3	1.5
1966	406.4	4.7	1.2
1967	425.6	3.8	0.9
1968	492.4	4.0	0.8
1969	499.5	4.0	0.8
1970	548.2	4.1	0.7
1971	602.9	3.1	0.5
1972	763.6	3.7	0.5
1973	977.0	5.0	0.5
1974	2,616.3	4.8	0.2
1975	2,770.1	5.1	0.2
1976	3,516.2	3.7	0.1
1977	4,227.0	5.0	0.1
1978	4,415.2	5.1	0.1
1979	6,097.0	5.4	0.1
1980	10,553.3	7.6	0.1
1981	9,224.7	8.6	0.1
1982	9,125.5	9.2	0.1
1983	8,123.9	11.3	0.1

**Jadual 5.13:** Pengeluaran dan Import Sumber Perikanan 1960-1983 (*Brunei Annual Report*, Pelbagai keluaran; *BDSYB*, Pelbagai keluaran)

Tahun	Pendaratan (tan metrik)	Import (tan metrik)
1959	2,817	t.d.
1960	2,783	t.d.
1961	t.d.	t.d.
1962	t.d.	t.d.
1963	3,911	67
1964	3,032	29
1965	3,493	124
1966	3,099	226
1967	1,066	325
1968	1,985	781
1969	1,955	637
1970	2,016	447
1971	1,480	637
1972	1,996	1,475
1973	3,444	1,142
1974	2,006	1,671
1975	2,129	1,324
1976	1,469	1,277
1977	2,088	994
1978	2,668	1,494
1979	2,773	1,534
1980	1,691	1,894
1981	1,789	1,748
1982	1,751	1,711
1983	2,451	2,513

Nota: t.d. – tiada data

tahun 1960 kepada 20.5 peratus pada tahun 1981, namun bilangan sebenar komuniti ini telah meningkat sebanyak 81.1 peratus daripada 21,795 orang pada tahun 1960 kepada 39,461 orang pada tahun 1981. Komuniti yang paling menonjol peningkatannya ialah penduduk yang tergolong dalam kategori India dan lain-lain. Komuniti ini telah meningkat melebihi 300 peratus daripada 2,879 orang (3.4 peratus) pada tahun 1960 kepada 12,479 orang (6.5 peratus) pada tahun 1981 (lihat Jadual 5.14). Sebahagian besar penduduk yang tergolong dalam komuniti lain-lain ini merupakan penduduk yang datang dari Semenanjung Malaysia, Singapura, Taiwan, Hong Kong, Jepun dan Sri Lanka (Hairuni, 1987: 124).

Terdapat beberapa faktor yang mendorong peningkatan penduduk Brunei pada tempoh ini. Antaranya, kadar kelahiran yang tinggi berbanding kadar kematian yang rendah disebabkan tahap kesihatan yang semakin meningkat setelah usaha secara besar-besaran untuk mengawal infeksi penyakit berjangkit seperti cacar (*smallpox*), batuk kering (*tuberculosis*) dan campak (*measles*) pada tahun 1960 (Hairuni, 1987: 92). Di samping itu, keperluan tinggi terhadap tenaga buruh dalam aktiviti pembangunan ekonomi dan infrastruktur yang dirancang dalam RKN lima tahun telah menarik ramai penduduk dari negeri jiran, khususnya Sabah dan Sarawak untuk datang ke Brunei. Perkara ini jelas apabila bilangan penduduk asing telah meningkat dengan drastiknya daripada 20,713 orang pada tahun 1960 kepada 53,665 peratus pada tahun 1981 (Hairuni, 1987: 133; *Laporan Banchi Penduduk Tahun*, 1971: 178; *Jadual-Jadual Rumusan Banci Penduduk Brunei*, 1981: 59).

Dari segi taburan penduduk menunjukkan bahawa pertambahan penduduk Brunei dipengaruhi oleh perkembangan pusat bandar sebagai pusat pentadbiran dan pusat ekonomi. Ini jelas apabila kebanyakan penduduk pada ketika itu tertumpu di daerah

**Jadual 5.14:** Bilangan Penduduk Brunei Mengikut Tahun Banci 1960, 1971 dan 1981  
(Jones, 1961: 16; *Laporan Banchi Penduduk Brunei*, 1971: 5; *Jadual-Jadual Rumusan Banci Penduduk Brunei*, 1981: 31)

Kaum/ Tahun	1960	%	1971	%	1981	%
Melayu dan Puak Asli Lain	59,203	70.6	97,820	71.8	140,892	73.1
Cina	21,795	26.0	31,925	23.4	39,461	20.5
India*	2,879	3.4	2,162	1.6	5,919	3.1
Lain-Lain			4,349	3.2	6,560	3.4
Jumlah	83,877	100	136,256	100	192,832	100

Nota: \* - Dalam Tahun 1960 "India" telah dimasukkan ke dalam "Lain-Lain.

Brunei dan Muara yang menjadi pusat pentadbiran dan daerah Belait yang menjadi pusat ekonomi terpenting Brunei. Bilangan penduduk yang bermastautin di daerah Brunei dan Muara telah meningkat daripada 37,511 orang pada tahun 1960 kepada 114,231 orang pada tahun 1981. Begitu juga penduduk daerah Belait yang hanya berjumlah 31,708 orang pada tahun 1960 telah meningkat kepada 50,768 orang pada tahun 1981 (lihat Jadual 5.15).

Pertambahan drastik bilangan penduduk pada tempoh ini secara tidak langsung telah mempengaruhi perkembangan perusahaan perikanan di Brunei. Apa yang jelas permintaan sumber perikanan di pasaran tempatan semakin meningkat kesan daripada pertambahan penduduk. Dalam rangka memenuhi peningkatan permintaan sumber perikanan, teknologi penangkapan ikan perlu dimodenkan dan ditambah bilangannya bagi meningkatkan hasil pendaratan perikanan. Keadaan ini telah menyebabkan perusahaan perikanan mengalami banyak perubahan dan perkembangan terutama dari segi jumlah teknologi penangkapan ikan yang digunakan.

#### **5.4 Perkembangan Perusahaan Perikanan Semasa Brunei Berkerajaan Sendiri**

Usaha pembangunan perusahaan perikanan yang mula diberi perhatian pada zaman Pentadbiran Residen British II semakin terserlah pada zaman Brunei Berkerajaan Sendiri. Setelah memperoleh kemerdekaan dalam negeri, Pentadbiran Berkerajaan Sendiri telah memberikan komitmen dan kesungguhan yang tinggi terhadap pembangunan dan perkembangan perusahaan perikanan. Di samping itu, peranan yang dimainkan oleh golongan pemodal terutama dari segi bantuan dan pinjaman kepada para nelayan untuk memperolehi teknologi penangkapan ikan yang lebih moden dan efisien juga menyumbang kepada pembangunan dan perkembangan perusahaan perikanan.

**Jadual 5.15:** Taburan Penduduk Brunei Menurut Daerah Berdasarkan Banci Penduduk 1960, 1971 dan 1981 (*Laporan Banci Penduduk Brunei*, 1971: 84; *Jadual-Jadual Rumusan Banci Penduduk Brunei*, 1981: 33)

Daerah	1960	1971	1981
Brunei dan Muara	37,511	72,791	114,231
Belait	31,708	42,383	50,768
Tutong	10,710	15,858	21,615
Temburong	3,948	5,224	6,218
Jumlah	83,877	136,256	192,832



Kesungguhan Pentadbiran Berkerajaan Sendiri dalam pembangunan perusahaan perikanan bertujuan untuk meningkatkan kuantiti hasil perikanan bagi memenuhi permintaan sumber perikanan yang semakin meningkat. Peningkatan kuantiti hasil perikanan diharap dapat mengurangkan kuantiti import sumber perikanan yang semakin meningkat pada tempoh sebelum ini. Di samping itu, kesungguhan Pentadbiran Berkerajaan Sendiri ini juga dipengaruhi oleh perkembangan pesat perusahaan perikanan di negeri-negeri jiran terutama dari Sabah (Mohammad Raduan, 1988; Ismail Ali, 2007). Ini jelas apabila Pentadbiran Berkerajaan Sendiri telah membenarkan pemodal luar membawa masuk enam buah bot pukat tunda kecil berenjin dalam yang mampu menghasilkan pendaratan yang lebih banyak ke Brunei sebagai satu projek percubaan (*Brunei Annual Report*, 1964; 85; *Application to Licence Trawlers to Fish Territorial Waters*, 1965). Perkara ini, sama seperti yang berlaku di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Penangkapan sumber perikanan dengan menggunakan bot pukat tunda kecil ini dikendalikan oleh Awang Moktal bin Salleh, seorang nelayan tempatan dari *South Sea and Company* yang bekerjasama dengan peniaga dan nelayan Jepun dengan modul \$230 ribu (BA/1983.2.0412, 1963).

Bagaimanapun, pada waktu itu belum ada sebarang dasar atau peraturan mengenai penggunaan bot pukat tunda di perairan Brunei yang sekali gus membolehkan bot-bot ini bebas menjalankan operasi menangkap ikan di kawasan berdekatan pantai seperti di Sungai Brunei, Teluk Brunei dan kawasan Pelabuhan Muara. Sama seperti yang berlaku di tempat-tempat lain, penggunaan bot pukat tunda ini telah mewujudkan konflik dengan nelayan tradisional kerana operasinya telah mendatangkan kerosakan dan kemusnahan kepada teknologi penangkapan ikan tradisional (Mohamad Raduan, 1988; K. S. Jomo, 1991). Akibat daripada itu, pada penghujung tahun 1965, bot-bot ini hanya dibenarkan beroperasi di kawasan laut dalam yang jauh daripada kawasan menangkap

ikan nelayan tradisional. Peraturan baru ini dan ditambah lagi dengan kerosakan enjin beberapa buah bot pukot tunda telah menyebabkan penggunaannya terhenti pada tahun 1966 (Pg Khairul Rijal, 2007: 145).

Kesungguhan Pentadbiran Berkerajaan Sendiri dalam pembangunan perusahaan perikanan juga tergambar melalui penubuhan sebuah Jabatan Perikanan Brunei sendiri menggantikan Jabatan Perikanan Gabungan Brunei-Sarawak pada tahun 1966. Jabatan Perikanan yang baru ditubuhkan diberi tanggungjawab untuk memaju dan membangun perusahaan perikanan di Brunei. Antaranya meninggikan taraf hidup nelayan melalui penyebaran teknik-teknik penangkapan ikan dan latihan kepada para nelayan tentang cara menggunakan alat-alat menangkap ikan serta memberikan kemahiran yang penting dalam perusahaan perikanan; memainkan peranan aktif dalam perkara-perkara yang berhubung dengan kemajuan perikanan; dan mendapatkan maklumat dan data melalui penyelidikan bagi membantu Pentadbiran Berkerajaan Sendiri menggubal polisi sosial dan ekonomi yang mempunyai hubungan dengan perusahaan perikanan (*Brunei*, 1978-1981: 65-66).

Dengan tertubuhnya Jabatan Perikanan, pembangunan perusahaan perikanan dapat ditingkatkan melalui pelaksanaan beberapa rancangan dan langkah yang lebih tersusun. Apa yang lebih terserlah, perangkaan bilangan bot perikanan dan teknologi penangkapan ikan yang dilesenkan dapat dilakukan dengan lebih menyeluruh dan dapat dikemaskinikan. Ini jelas terbukti apabila perangkaan bilangan perahu dan bot perikanan yang hanya dapat direkodkan sebanyak 204 buah pada tahun 1960 telah meningkat kepada 1,539 buah pada tahun 1983 (lihat Jadual 5.16).

**Jadual 5.16:** Jumlah Perahu/Bot Nelayan yang Dilesenkan 1960-1983  
(*Brunei Annual Report*, Pelbagai keluaran; *BDSYB*, Pelbagai keluaran)

Tahun	Jumlah
1960	204
1961	t.d.
1962	t.d.
1963	627
1964	518
1965	330
1966	333
1967	167
1968	120
1969	176
1970	123
1971	99
1972	112
1973	127
1974	71
1975	453
1976	622
1977	582
1978	710
1979	686
1980	766
1981	733
1982	694
1983	1,539

Nota: t.d.- tiada data

Begitu juga halnya dengan bilangan teknologi penangkapan ikan yang juga mengalami pertambahan kepada 4,007 unit pada tahun 1983 daripada 1,548 unit pada tahun 1960. Pertambahan ini berlaku kepada semua kategori teknologi penangkapan ikan sama ada kategori perangkap, jaring mahupun pancing. Daripada ketiga-tiga kategori tersebut, peralatan pancing telah menunjukkan pertambahan yang paling drastik daripada hanya satu unit pada tahun 1960 kepada 995 unit pada tahun 1983. Manakala peralatan perangkap dan jaring pula telah bertambah dengan masing-masing berjumlah 1,016 unit dan 531 unit pada tahun 1960 kepada 1,869 unit dan 1,143 unit pada tahun 1983 (lihat Jadual 5.17).

Selain itu, Jabatan Perikanan juga mengadakan beberapa siri lawatan serta penyelidikan mengenai perusahaan perikanan dalam dan luar negeri seperti Jesselton, Sandakan, Pulau Pinang dan Melaka. Hasil daripada siri lawatan dan penyelidikan ini, beberapa cadangan program pembangunan perusahaan perikanan telah dirumuskan (*Brunei Annual Report*, 1966: 108). Antara cadangan tersebut ialah memperkenalkan lagi teknologi-teknologi baru kepada para nelayan pesisir pantai agar dapat meningkatkan hasil tangkapan, membuat penyiasatan bagi memperkenalkan penggunaan pukot tunda di kawasan luar pantai, dan meningkatkan kemudahan-kemudahan pemasaran seperti memperkenalkan peti sejuk tempat menyimpan ikan dan sebagainya (*Suggestions for Fisheries Development*, 1967).

Hasil daripada beberapa siri penyelidikan secara berterusan juga telah mendapati kaedah dan teknologi penangkapan ikan yang digunakan oleh sebahagian besar nelayan adalah dalam bentuk tradisi sahaja. Ia hanya sesuai digunakan di kawasan-kawasan berdekatan pantai dan tidak mampu untuk menghasilkan pendaratan dalam jumlah yang besar. Oleh itu, melalui “pendekatan modenisasi”, Pentadbiran Berkerajaan

**Jadual 5.17:** Bilangan Teknologi Penangkapan Ikan yang Dilesenkan 1960-1983  
(*Brunei Annual Report*, Pelbagai keluaran; *BDSYB*, Pelbagai keluaran)

Tahun	Perangkap	Jaring	Pancing	Bot Pukat Tunda	Jumlah
1960	1,016	531	1	-	1,548
1961	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.
1962	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.
1963	757	712	2	-	1,471
1964	1,244	584	-	6	1,834
1965	657	208	4	3	872
1966	848	699	6	-	1,553
1967	775	507	4	-	1,286
1968	1,290	315	4	-	1,609
1969	790	273	-	-	1,063
1970	98	1,148	11	-	1,257
1971	1,226	238	-	-	1,464
1972	1,122	335	4	-	1,461
1973	1,270	508	-	-	1,778
1974	634	318	15	-	967
1975	594	327	42	-	963
1976	826	550	328	-	1,704
1977	632	383	350	-	1,365
1978	921	475	460	-	1,856
1979	659	458	773	-	1,890
1980	817	730	858	-	2,405
1981	659	655	790	-	2,104
1982	647	1,095	344	-	2,086
1983	1,869	1,143	995	-	4,007

Nota: t.d.- tiada data

Sendiri melalui Jabatan Perikanan telah memodenkan peralatan menangkap ikan dengan memperkenalkan beberapa teknologi penangkapan ikan yang dibina daripada bahan-bahan sintetik (*Brunei Annual Report*, 1967: 116) dan pukat-pukat yang telah siap dibina. Antara alat yang sangat mendapat sambutan daripada para nelayan ialah *andang karan*.<sup>4</sup>

Namun demikian, kewujudan peralatan menangkap ikan yang dibina daripada bahan-bahan sintetik dan pukat yang telah siap dibina, telah memberi peluang kepada para pemodal melalui “sistem tauke” untuk menguasai perusahaan perikanan. Sama seperti yang berlaku semasa zaman Pentadbiran Residen British, setiap pembaharuan atau perubahan yang dilakukan oleh Pentadbiran Berkerajaan Sendiri akan memberi ruang kepada para pemodal untuk mencipta keuntungan. Para pemodal yang majoritinya berbangsa Cina berperanan untuk membiayai dan membekal peralatan menangkap ikan kepada nelayan. Pada masa yang sama, penguasaan para pemodal Cina semakin terserlah lagi apabila Pentadbiran Berkerajaan Sendiri telah mengharamkan penggunaan alat menangkap ikan *tugu* pada tahun 1968 bagi menggalakkan para nelayan menggunakan peralatan menangkap ikan moden dan yang lebih menguntungkan (*Brunei Annual Report*, 1968: 107). Pengharaman ini telah memberi ruang kepada para pemodal Cina untuk menambahkan lagi penguasaan terhadap perusahaan perikanan dan para nelayan melalui pembekalan peralatan baru seperti pukat yang telah siap sedia dibina.

Selain itu, bagi menambahkan lagi hasil pengeluaran perikanan, Jabatan Perikanan telah melaksanakan projek penternakan ikan dalam kolam. Bagi memastikan projek ini dapat dilaksanakan, pada penghujung tahun 1967 seluas lebih kurang 14 ekar tanah di kawasan Sungai Jambu telah dijadikan kolam ternakan benih ikan (*fish fry*)

---

<sup>4</sup> *Andang Karan* merupakan sejenis alat pukat mudah alih yang telah didatangkan dalam keadaan siap dibina. Alat ini boleh digunakan terus dalam operasi menangkap ikan dan ia banyak didapati di kedai-kedai.

(*Brunei Annual Report*, 1967: 118. Sebagai langkah permulaan pada tahun 1968 sebanyak 600 benih ikan yang diimport dari Sarawak telah ditenak dalam kolam ini. Selanjutnya, benih ikan tersebut diagihkan kepada lebih kurang 87 buah kolam penternakan ikan. Namun demikian, kolam-kolam ternakan ikan yang diusahakan tersebut sangat kecil saiznya dan tidak mempunyai sistem saliran air yang berkesan. Oleh itu, kolam-kolam ini tidak dapat menghasilkan pengeluaran yang memuaskan. Jumlah keseluruhan ikan yang dihasilkan daripada kolam-kolam tersebut hanya dianggarkan berjumlah 49,885 kilogram sahaja (*Brunei Annual Report*, 1968: 110).

Bagi memastikan usaha membangun perusahaan perikanan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan sistematik, satu akta dan peraturan yang berhubung dengan perikanan di bawah "Akta Perikanan, Penggal 61" dan "Peraturan-Peraturan Perikanan, Penggal 61" telah digubal yang masing-masing telah dikuatkuasakan pada tahun 1972 dan 1973. Akta dan peraturan ini telah memperuntukkan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan perusahaan perikanan di Brunei. Antaranya pentadbiran, syarat-syarat bagi memperindungi perikanan, kesalahan-kesalahan, peraturan menangkap ikan, lesen-lesen dan perangkaan.<sup>5</sup>

Pada pertengahan tahun 1970an, usaha pembangunan perusahaan perikanan yang dilaksanakan oleh Pentadbiran Berkerajaan Sendiri, nampak lebih jelas lagi apabila satu peruntukan bagi Jabatan Perikanan untuk membeli dan mengusahakan sebuah kapal penyelidikan telah diluluskan dalam RKN lima tahun yang ketiga (*Brunei Annual Report*, 1976: 100). Pada bulan September 1978 Pentadbiran Berkerajaan Sendiri telah berjaya membeli sebuah kapal penyelidikan "K/P Lumba-Lumba". Dengan adanya kapal ini, Jabatan Perikanan telah berjaya melaksanakan beberapa penyelidikan mengenai sumber

---

<sup>5</sup> Lebih lanjut lihat Undang-Undang Brunei Edisi Semakan 1984. Penggal 61 "Akta Perikanan" dan Undang-Undang Tambahan Peraturan-Peraturan Di Bawah Bab 5 "Peraturan-Peraturan Perikanan".

perikanan dasar laut serta dapat mengenal pasti bahawa pukat tunda adalah satu alat yang paling sesuai dan berkesan untuk mendapatkan hasil tangkapan sumber dasar laut dalam jumlah yang banyak (*Brunei Darussalam*, 1983-1984: 105). Justeru itu, pada awal tahun 1980 Pentadbiran Berkerajaan Sendiri telah menjalankan satu langkah untuk menggalakkan para nelayan menggunakan pukat tunda dalam aktiviti menangkap ikan. Usaha ini telah mendapat sambutan yang baik daripada para nelayan dan nama pemohon telah disenarai pendek pada tahun 1982 (*Brunei*, 1982: 76).

Sejajar dengan galakan penggunaan pukat tunda tersebut, Brunei telah mengisytiharkan kawasan sempadan penangkapan ikan sehingga 200 batu nautika ke luar pantai pada tahun 1982 (Ajamian, 1990: 44). Selaras dengan pengisytiharan ini, satu undang-undang yang berkaitan sempadan dan kawasan menangkap ikan di bawah "Undang-Undang Sempadan-Sempadan Penangkapan Ikan Brunei, 1982" telah digubal dan dikuatkuasakan pada awal tahun 1983. Melalui undang-undang ini, had sempadan dan kebenaran memasuki kawasan menangkap ikan di perairan Brunei telah diperuntukkan.<sup>6</sup>

Walau bagaimanapun, segala usaha dan program pembangunan perusahaan perikanan yang dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan tidak mendapat sambutan yang baik daripada penduduk. Ini jelas apabila bilangan penduduk yang terlibat dalam aktiviti penangkapan ikan semakin berkurangan setiap tahun. Ini memperlihatkan bahawa pertambahan bilangan bot perikanan dan teknologi penangkapan ikan seperti yang dijelaskan di atas, bukan menggambarkan perkembangan sebenar perusahaan perikanan. Hal ini hanya memperlihatkan kesungguhan Jabatan Perikanan dalam merekod dan mengemaskini kesemua bot perikanan dan teknologi penangkapan ikan yang digunakan.

---

<sup>6</sup> Lebih lanjut lihat Negeri Brunei E 5 Tahun 1983 "Undang-Undang Sempadan-Sempadan Penangkapan Ikan Brunei, 1982".



Ini jelas pada tahun 1981 bilangan bot perikanan dan teknologi penangkapan ikan yang masing-masing berjumlah 733 buah dan 2,104 unit lebih tinggi berbanding bilangan nelayan yang hanya berjumlah 453 orang. Oleh itu pertambahan bilangan bot perikanan dan teknologi penangkapan ikan tersebut bukanlah suatu perkara yang dapat dibanggakan.

Kemerosotan bilangan penduduk yang terlibat dalam aktiviti perikanan telah menyebabkan kuantiti hasil pendaratan mengalami kemerosotan. Ini jelas apabila jumlah hasil pendaratan yang direkodkan di pasar-pasar ikan seluruh negara telah mengalami kemerosotan daripada 2,817 tan metrik pada tahun 1959 kepada 2,451 tan metrik pada tahun 1983. Hasil pendaratan yang tertinggi pada tempoh ini direkodkan pada tahun 1963 iaitu sebanyak 3,910 tan metrik. Mulai tahun 1967 hingga ke akhir tempoh ini kecuali pada tahun 1973, hasil pendaratan tidak pernah mencecah 3,000 tan metrik (lihat Jadual 5.13). Keadaan ini bertambah buruk lagi apabila kuantiti hasil pendaratan yang dipasarkan semakin merosot pada tahun-tahun terakhir tempoh ini. Dengan kemerosotan ini menunjukkan bahawa penghasilan perusahaan perikanan tidak dapat memenuhi permintaan sumber perikanan tempatan yang semakin meningkat setiap tahun.

Bagi memenuhi permintaan sumber perikanan tempatan ini, Brunei sekali lagi perlu bergantung kepada bekalan sumber perikanan dari negeri-negeri jiran terutama Sabah, Sarawak dan Labuan. Disebabkan permintaan sumber perikanan yang semakin meningkat setiap tahun akibat pertambahan penduduk terutama pekerja asing yang berkhidmat di sektor ekonomi daratan, kuantiti import sumber perikanan juga ikut sama meningkat. Hal ini jelas apabila kuantiti import sumber perikanan telah meningkat dengan drastiknya daripada 67 tan metrik pada tahun 1963 kepada 2,513 tan metrik pada tahun 1983 (lihat Jadual 5.13).

Dengan ini menunjukkan bahawa matlamat utama Pentadbiran Berkerajaan Sendiri untuk meningkatkan hasil perikanan bagi memenuhi permintaan sumber perikanan dan mengurangkan kebergantungan kepada import sumber perikanan sejak zaman Pentadbiran Residen British lagi masih belum dapat dicapai. Begitu juga halnya dengan taraf hidup para nelayan, masih sama dari zaman sebelumnya yang tetap bergantung kepada golongan pemodal untuk menjalankan aktiviti menangkap ikan.

### **5.5 Tenaga Buruh Perikanan Semasa Brunei Berkerajaan Sendiri**

Penurunan bilangan nelayan seperti yang berlaku pada zaman-zaman sebelum ini berterusan sebagai satu trend dalam perusahaan perikanan di Brunei. Penglibatan penduduk dalam sektor perikanan semakin berkurangan pada setiap banci, iaitu daripada 708 orang (2.9 peratus) pada tahun 1960 kepada 696 orang (1.7 peratus) pada tahun 1971, dan menurun lagi menjadi hanya 453 orang (0.7 peratus) pada tahun 1981 (lihat Jadual 5.18). Penurunan bilangan dan peratusan penduduk yang terlibat dalam sektor perikanan, disebabkan ramai nelayan telah bekerja di jabatan-jabatan kerajaan menjadi guru, kerani dan tentera yang memberikan gaji bulanan secara tetap berbanding pekerjaan sebagai nelayan yang kadangkala tersekat pendapatannya ketika musim tengkujuh. Ini jelas terbukti dengan peningkatan bilangan penduduk dalam bidang perkhidmatan telah meningkat melebihi 100 peratus daripada 15,008 orang (37.5 peratus) pada tahun 1971 kepada 31,292 orang (45.9 peratus) pada tahun 1981. Ini memperlihatkan bahawa golongan muda pada zaman Brunei Berkerajaan Sendiri ini tidak berminat menceburi pekerjaan sebagai nelayan. Dengan erti kata yang lain, aktiviti penangkapan ikan bukan suatu perusahaan atau pekerjaan yang penting bagi penduduk Brunei.

Selain itu, budaya kebergantungan kepada golongan pemodal Cina dalam mendapatkan bahan binaan keluaran kilang dan peralatan menangkap ikan yang baru

**Jadual 5.18:** Bilangan Penduduk Aktif Dalam Ekonomi Berdasarkan Banci Penduduk 1960, 1971 dan 1981 (Jones, 1961: 73; *Laporan Banci Penduduk Brunei*, 1971: 13 & 234-238; *Jadual-Jadual Rumusan Banci Penduduk Brunei*, 1981: 223-225)

Industri	1960		1971		1981	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Perikanan	708	2.9	696	1.7	453	0.7
Pertanian dan Perhutanan	7,609	30.6	4,080	10.2	2,982	4.4
Perlombongan	3,752	15.1	2,915	7.3	3,863	5.7
Pembuatan ( <i>Manufacture</i> )	1,419	5.7	1,751	4.4	2,783	4.1
Pembinaan	3,388	13.6	8,090	20.2	12,644	18.6
Perdagangan	1,941	7.8	4,189	10.5	7,363	10.8
Pengangkutan dan Perhubungan	982	4.0	2,127	5.3	4,529	6.6
Perkhidmatan	4,764	19.2	15,008	37.5	31,292	45.9
Lain-Lain Industri	267	1.1	1,156	2.9	2,219	3.3
Jumlah	24,830	100	40,012	100	68,128	100

semakin meningkat. Oleh itu, kebergantungan para nelayan kepada pemodal-pemodal Cina pada zaman Pentadbiran Residen British sebelum ini berterusan hingga pada tempoh ini. Walaupun Pentadbiran Berkerajaan Sendiri cuba mengatasi kebergantungan nelayan kepada pemodal Cina dengan memperkenalkan skim pinjaman kewangan membeli peralatan menangkap ikan, namun demikian skim ini kurang mendapat sambutan. Selain itu, penguasaan para pemodal Cina ke atas para nelayan semakin diperkukuh dan diperluas melalui pinjaman kewangan kepada para nelayan dalam bantuan pinjaman kewangan untuk mengadakan sesuatu majlis atau perayaan seperti perkahwinan dan hari raya atau untuk membeli perkakas rumah seperti set televisyen (Lim, 1986: 61).

Untuk mengatasi kemerosotan bilangan nelayan ini, pihak pentadbiran telah membuka ruang kepada nelayan dari Jepun untuk menjalankan usahasama dengan nelayan tempatan untuk menjalankan aktiviti menangkap ikan dengan menggunakan pukot tunda. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, usaha ini tidak bertahan lama apabila ramai nelayan tidak menyenangi penggunaan bot pukot tunda yang dipercayai telah menjejaskan hasil pendaratan para nelayan. Apa yang jelas di sini, kedatangan nelayan dari Jepun merupakan satu lembaran baru dalam aspek tenaga buruh perikanan yang sebelum ini hanya dimonopoli oleh para nelayan tempatan. Penurunan bilangan nelayan dan penolakan terhadap nelayan dari Jepun telah mempengaruhi kepada ketidakmampuan perusahaan perikanan untuk memenuhi permintaan sumber perikanan yang semakin meningkat dari setahun ke setahun. Keadaan ini telah mendorong Brunei terus bergantung kepada bekalan sumber perikanan import dari negara luar.

## **5.6 Teknologi Penangkapan Ikan Semasa Brunei Berkerajaan Sendiri**

Seperti yang berlaku pada zaman Pentadbiran Residen British II, teknologi penangkapan ikan yang digunakan pada zaman Brunei Berkerajaan Sendiri juga telah mengalami

perubahan. Pada zaman sebelum ini, perubahan berlaku disebabkan kemudahan untuk memperolehi bahan-bahan binaan keluaran kilang yang diimport dan untuk menyesuaikan teknologi penangkapan ikan dengan bot perikanan berenjin sangkut. Manakala pada zaman Brunei Berkerajaan Sendiri, perubahan berlaku adalah berikutan usaha Pentadbiran Berkerajaan Sendiri untuk meningkatkan hasil pendaratan dengan memperkenalkan lagi beberapa bahan binaan keluaran kilang yang baru dan mudah digunakan seperti dawai atau wayar mata segi empat *jurung*,<sup>7</sup> peralatan menangkap ikan yang dibina daripada bahan sintetik dan pukot yang telah siap dibina. Di samping itu, peranan yang dimainkan oleh golongan pemodal dalam membekalkan bahan binaan dan peralatan menangkap ikan yang baru kepada para nelayan melalui “sistem tauke” secara langsung telah mempercepatkan lagi perubahan tersebut. Dengan ini, memperlihatkan bahawa faktor utama kepada berlakunya perubahan teknologi penangkapan ikan pada zaman Brunei Berkerajaan Sendiri adalah atas keperluan untuk meningkatkan hasil pendaratan bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan yang semakin meningkat.

Oleh itu, banyak teknologi penangkapan ikan tradisional yang digunakan sebelum ini telah mengalami perubahan dari segi bahan binaannya. Teknologi penangkapan ikan kelong dan *lintau* telah menggunakan dawai atau wayar mata segi empat *jurung* yang lebih tahan lama dan mudah digunakan menggantikan buluh sebagai bahan utama pembinaannya. Saiz mata dawai yang digunakan pada bahagian *binuan* dan *ayangan* ialah satu setengah sentimeter. Manakala pada bahagian-bahagian lain kelong dan *lintau* sebesar dua setengah sentimeter.

Teknologi penangkapan ikan *kabat* dan *tabeh* yang sebelum ini menggunakan buluh sebagai bahan asas binaannya telah menggunakan pukot yang sedia dibina. Jenis

---

<sup>7</sup> Berbentuk bulat panjang.

pukat yang digunakan bagi kedua alat ini sama, kecuali pada reka bentuknya. Pukat *kabat* mempunyai pelampung di bahagian atasnya dan batu pemberat di bahagian bawahnya. Manakala, pukat *tabeh* pula, tidak mempunyai pelampung dan batu pemberat, ia hanya memerlukan *sangkam*<sup>8</sup> agar ia mencecah dasar laut. Perbezaan ini disebabkan berbezanya cara pemasangan antara kedua-dua alat ini. Pukat *kabat* dipasang semasa air mula surut ketika ikan-ikan telah berada di perairan tebing sungai atau pantai dan pukat tersebut mesti terapung di permukaan air. Manakala pukat *tabeh* pula dipasang di kawasan air yang lebih dalam. Pukat tersebut mesti ditenggelami oleh air supaya ikan boleh berenang di atasnya menuju ke perairan tebing sungai atau pantai.

Sementara itu, hampir keseluruhan teknologi penangkapan ikan yang berasaskan jaring seperti pukat, *peguyot*, *rantau*, *panau*, dan *selambau* telah memanfaatkan kewujudan pukat yang telah siap dibina. Ini jelas apabila bahan binaan utama teknologi-teknologi ini telah menggunakan pukat yang telah siap dibina menggantikan jaring yang disirat daripada benang atau nilon yang digunakan sebelum ini. Oleh itu, kerja-kerja menyirat jaring pukat daripada benang atau nilon telah berkurangan berbanding pada tempoh sebelum ini.

Dengan adanya pelbagai jenis dan saiz tangsi yang lebih tahan lama pada tempoh ini, teknologi penangkapan ikan seperti kail, *jaul*, *jaul tunda*, *ambur*, *anjun* dan rawai telah menggunakan tangsi bagi menggantikan nilon yang digunakan sebelum ini sebagai tali utama dan perambutnya.

---

<sup>8</sup> Sangkam merupakan alat untuk menahan sesuatu supaya tidak bergerak atau tidak berpindah. Alat ini diperbuat daripada buluh yang di bahagian hujungnya bercabang dua. Panjang alat ini lebih kurang 60 sentimeter. *Paner* bawah pukat akan dikait atau diselatkan pada bahagian hujung sangkam yang bercabang dua, lalu dipacakkan ke tanah. Alat ini menahan *paner* bawah pukat supaya tidak terangkat atau berpindah.

Selain daripada perubahan dari segi bahan binaan, terdapat beberapa teknologi penangkapan ikan yang mengalami perubahan dari segi operasi mendaratkan hasil tangkapan, kesan daripada adanya pukot yang telah siap dibina dan dawai mata punai yang terdapat di pasaran tempatan. Ini jelas tergambar apabila beberapa teknologi penangkapan ikan kelong yang sebelum ini menggunakan *penyasaran* sebagai alat utama untuk mendaratkan hasil tangkapan telah menggunakan pukot yang dimodifikasi seperti *selambau* yang diletakkan pada bahagian *binuan*. Perubahan ini memberi lagi kemudahan kepada nelayan apabila hanya perlu mengangkat pukot tersebut ke atas dan mengutip ikan yang terperangkap dengan menggunakan *siut*. Selain itu, ada juga yang menggunakan bubu dawai yang diletakkan di bahagian belakang *binuan* bagi mengutip hasil tangkapan. Penggunaan bubu dawai ini lebih mudah dan cepat kerana nelayan hanya perlu mengangkat bubu dawai ke atas perahu untuk mengutip hasil tangkapan. Begitu juga dengan teknologi penangkapan ikan *kabat* dan *tabeh* yang menggunakan pukot yang telah siap dibina, hanya perlu menanggalkan ikan yang tersangkut di mata pukot dengan tangan (Pg Khairul Rijal, 2007: 152).

Perubahan yang berlaku di atas, jelas memperlihatkan bahawa penggunaan teknologi penangkapan ikan yang mudah alih yang diperbuat daripada bahan sintetik dan pukot yang telah siap dibina lebih meluas berbanding teknologi yang tidak mudah alih. Keadaan ini disebabkan teknologi yang mudah alih lebih cepat dan berkesan untuk mendaratkan lebih banyak sumber perikanan pada waktu itu. Justeru itu, tiga teknologi mudah alih yang baru berasaskan bahan sintetik dan pukot yang telah siap dibina telah diperkenalkan iaitu pukot *curut*, *andang* dan *andang karan*. Selain itu, teknologi termoden ketika itu, iaitu bot pukot tunda kecil telah diperkenalkan oleh pemodal luar dengan kerjasama nelayan tempatan bagi meningkatkan jumlah pendaratan sumber perikanan untuk memenuhi permintaan sumber perikanan yang semakin meningkat.


Pukat *curut* juga digelar oleh sesetengah nelayan Brunei sebagai *ancau* digunakan untuk menangkap ikan-ikan yang berada berhampiran permukaan laut. Reka bentuk dan cara pengendalian pukat ini lebih kurang sama dengan pukat lengkung (pukat jerut) moden sekarang. Perbezaannya hanyalah dari segi saiz, lokasi, dan tenaga yang diperlukan dalam pengendaliannya. Pukat yang digunakan berbentuk empat segi bujur yang diperbuat daripada cantuman beberapa keping isi pukat nilon yang telah siap disirat. Pada kebiasaannya pukat ini berukuran lebih kurang 250 hingga 270 meter panjang dan 10 meter lebar. Bahan binaan pukat ini terdiri daripada jaring dari nilon, pelampung, batu pemberat, *galang-galang* (gelang) dari rotan atau plastik, dan tali kalat. Saiz mata jaring pukat mengikut jenis ikan yang akan ditangkap iaitu antara dua hingga lima sentimeter (lihat Rajah 5.1).

Operasi penangkapan ikan dengan menggunakan pukat *curut* memerlukan antara tiga hingga empat orang nelayan dan hanya sebuah bot berenjin sangkut digunakan. Operasi dimulakan dengan mencari dan mengesan kumpulan ikan. Apabila kumpulan ikan ditemui pukat akan dilabuhkan melengkungi kumpulan ikan itu. Sebaik sahaja kedua-dua bahagian hujung pukat bertemu dan kumpulan ikan telah dilengkungi, diturunkan satu batu pemberat yang lebih besar<sup>9</sup> seberat kira-kira 15 kilogram melalui tali kalat yang dimasukkan ke dalam lubang *galang-galang*. Kemudian tali kalat yang berada di bahagian *paner* bawah ditarik, menyebabkan semua *galang-galang* akan terkumpul pada batu pemberat besar tadi dan ikan-ikan terperangkap di dalam pukat. Setelah selesai kerja-kerja menarik, barulah hasil tangkapan dinaikkan ke dalam perahu (Pg Khairul Rijal, 2007: 153) (lihat Rajah 5.2). Antara jenis-jenis ikan yang didaratkan melalui pukat ini ialah geronggong (*megalaspis cordyla*), bakulan (*auxis spp/euthynnus sp.*), duai (*formio niger/pampus argenteus*), dan bakalang (*scomberoides spp/commerconianus*).


---

<sup>9</sup> Batu pemberat ini berbentuk segi empat yang mempunyai gelang seperti cincin di bahagian atasnya.





**Rajah 5.1:** Pukat Curut




**Rajah 5.2:** Operasi Menaikkan Pukat Curut

Manakala teknologi penangkapan ikan *andang* pula merupakan salah satu alat menangkap ikan bergerak (*mobile*) yang baru diperkenal dan digunakan oleh nelayan semasa Brunei Berkerajaan Sendiri. Reka bentuk *andang* empat segi bujur yang diperbuat daripada pukot yang telah siap dibina. Pada kebiasaannya alat ini berukuran lebih kurang 20 meter panjang dan dua meter lebar. Dari segi bahan binaan, *andang* terdiri daripada beberapa komponen seperti pukot tangsi, pelampung dan batu pemberat. Saiz mata pukatnya mengikut jenis ikan yang akan ditangkap iaitu antara empat setengah hingga 15 sentimeter persegi (lihat Rajah 5.3).

Teknologi penangkapan ikan *andang* digunakan di kawasan pertengahan air laut pada kedalaman 12 hingga 90 meter. Operasi menangkap ikan dengan menggunakan alat *andang* sangat mudah dijalankan dan tidak memerlukan tenaga yang banyak. Malahan seorang nelayan pun boleh menjalankan operasi menangkap ikan dengan menggunakan alat ini. Di samping itu, ia juga boleh digunakan pada waktu siang dan malam ketika arus air tidak deras sama ada waktu pasang atau surut. Jika digunakan pada waktu arus deras, alat ini akan hanyut jauh dan boleh menyebabkan jaringnya kusut yang sekali gus menjejaskan hasil tangkapan.

Dalam satu-satu operasi, nelayan akan menggunakan antara tiga hingga 10 *binata* (bidang) *andang* yang disambung-sambung. Sebelum melabuh alat ini, terlebih dahulu dilabuhkan pelampung tanda yang lebih besar daripada pelampung yang terdapat pada jaring. Setelah selesai melabuh semua jaring, satu lagi pelampung tanda akan dilabuhkan. Melabuh alat *andang* ini hendaklah merentang arus air. Cara melabuh alat ini juga mengikut bilangan nelayan yang menggunakannya. Jika dua orang nelayan, seorang nelayan akan melabuhkan dari bahagian *caruk* perahu, manakala jika seorang sahaja akan dilabuh dari *buritan* perahu. Alat ini akan dibiarkan hanyut mengikut arus




**Rajah 5.3:** Andang

buat beberapa jam, antara satu hingga enam jam. Selepas itu barulah *andang* ini ditarik naik semula bersama hasil tangkapan ke dalam bot (Mohammad Raduan, 1988: 38-41; Syed Hashim, 1983/1984: 165; Pg Khairul Rijal, 2007: 155-156). Antara spesies ikan yang didaratkan dengan menggunakan alat ini ialah ikan-ikan putih (*cavallas jacks*), *aur-aur* (*sadinella gibbosa*), bilis (*leiognathidae*), *belais* (*siganidae singanus spp*), *duai* (*formio niger/pampus argenteus*) dan lain-lain.

*Andang karan* pula merupakan teknologi penangkapan ikan yang baru diperkenalkan pada penghujung tahun 1970an. Berbeza dengan teknologi penangkapan ikan *andang*, teknologi ini boleh menangkap pelbagai jenis dan saiz ikan. Disebabkan keistimewaannya itu, ia digelar oleh nelayan Brunei sebagai *andang karan*. Ia seperti mempunyai arus elektrik kerana setiap ikan yang melanggar jaringnya akan terperangkap. Alat ini sangat digemari dalam kalangan nelayan di Brunei kerana ia mudah diguna dan sering memperoleh hasil yang memuaskan.

Reka bentuk, bahan binaan, cara dan lokasi pengendalian alat ini adalah sama seperti alat menangkap ikan *andang*. Perbezaannya hanyalah dari segi jumlah isi jaring yang terdapat pada alat ini. *Andang karan* mempunyai tiga lapis atau pun tiga keping isi jaring, *andang* hanya mempunyai satu keping. Lapis tengah isi jaring *andang karan* mempunyai saiz mata yang lebih kecil daripada kedua-dua isi jaring di bahagian luar. Saiz mata jaring tengah berukuran tujuh setengah sentimeter persegi, manakala kedua-dua jaring luar berukuran 12.5 sentimeter persegi (lihat Rajah 5.4). Ikan-ikan kecil akan terperangkap pada isi jaring tengah dan ikan-ikan yang lebih besar pula akan terperangkap pada isi-isi jaring bahagian luar. Pada kebiasaannya, kedua-dua isi jaring luar digantung pada *paner* atas dan bawah agar ia lebih tegang daripada pergantungan isi jaring tengah. Ini bertujuan untuk mewujudkan kandul-kandul kecil daripada isi jaring tengah yang



**Rajah 5.4:** Andang Kanan

kendur pada mata isi jaring luar yang tegang untuk memerangkap ikan (Mohammad Raduan, 1988: 38-41; Jabatan Perikanan Malaysia, 1989: 58). Pelbagai spesies ikan dari yang bersaiz kecil hingga besar boleh didaratkan dengan menggunakan alat ini. Udang merupakan hasil tangkapan utama dalam penggunaan *andang karan*. Justeru itu, alat ini telah dijadikan sebagai pengganti alat menangkap ikan *tugu* yang telah diharamkan penggunaannya.

Kaedah menangkap ikan dengan menggunakan pukut tunda merupakan satu-satunya teknologi menangkap ikan yang tercanggih sekali digunakan pada zaman Brunei Berkerajaan Sendiri. Penggunaan pukut tunda diusahakan oleh seorang nelayan tempatan dengan kerjasama peniaga dan nelayan Jepun. Pukat tunda ini dikendalikan oleh bot seberat 120 ton, berenjin dalam, dengan had kelajuan enam knot. Bot ini diperbuat daripada kayu berukuran 10 meter panjang dan tiga meter lebar. Ketinggian rangka bot ini satu setengah meter di bahagian belakang dan dua meter di bahagian depan. Bot ini dilengkapi dengan tong tempat menyimpan ikan dan sebuah cermin bulat seperti teropong untuk kegunaan melihat ke dasar laut sedalam 10 meter sahaja. Bot ini tidak memiliki *winch* untuk menaikkan pukut dan alat pengesan ikan "*echo-sounder*" (BA/1983.2.0412, 1963; Moktal, 2009: Temu bual).


Reka bentuk pukut tunda terdiri daripada keroncong, badan dan dua sayap. Ukuran dari keroncong hingga ke badan pukut ialah 24 meter panjang, manakala dari hujung sayap kanan hingga hujung sayap kiri pukut berukuran 15 meter panjang. Isi jaring pukut diperbuat daripada nilon dan saiz mata pukatnya berukuran tiga setengah sentimeter persegi. Bahagian sayap dan pembukaan pukut diikatkan pada *paner* atas dan bawah. Pelampung-pelampung berbentuk *jurung* daripada plastik berukuran 10 sentimeter panjang dipasang di sepanjang *paner* atas. Manakala pemberat dari batu

seramik berukuran lima sentimeter dipasang pada *paner* bawah. Alat-alat lain yang dipasang pada pukot tunda ialah papan kepak tunda yang diperbuat daripada kayu dan besi, tali pengantar, tali tunda dan tali penarik naik pukot. Tali yang digunakan untuk tali pengantar, tali tunda dan tali penarik naik pukot ialah tali kalat bersaiz dua sentimeter.

Operasi pukot tunda ini dijalankan di perairan berhampiran sahaja seperti Teluk Brunei, Pelabuhan Muara dan Tanjung Pelampung. Disebabkan pukot tunda yang digunakan ketika itu hanya bersaiz kecil, hanya dua orang nelayan sahaja yang diperlukan untuk mengendalikannya. Operasi dimulakan dengan menurunkan keroncong dan badan pukot dari buritan bot. Diikuti selepas itu tali pengantar, papan kepak dan akhir sekali tali tunda dan tali penarik naik pukot. Setelah itu tali tunda diikat pada bahagian hujung dua kayu tepi yang dipasang pada bahagian kiri dan kanan bot (lihat Rajah 5.5). Kayu ini berukuran empat setengah meter panjang yang berfungsi untuk menambahkan lagi pembukaan lintang pukot. Sesudah itu barulah operasi penundaan dimulakan dengan kelajuan tiga knot. Semasa penundaan tersebut, pukot akan terbuka secara tegak hasil tindakan pelampung dan batu pemberat. Manakala papan kepak dan kayu tepi memberi pembukaan lintang pukot tunda. Semasa operasi penundaan dijalankan udang dan ikan yang berada dalam perjalanan pukot akan masuk ke dalam pukot melalui pembukaan (mulut) pukot dan seterusnya terperangkap di bahagian keroncong.

Setelah operasi penundaan dijalankan selama lebih kurang satu jam, pukot tunda ditarik naik. Operasi menaikkan pukot dimulakan dengan memperlahankan kelajuan bot, kemudian kedua-dua tali penarik naik pukot akan ditemukan untuk menaikkan papan kepak, sayap, badan dan keroncong pukot ke atas bot. Setelah semua bahagian pukot berada di atas bot, barulah kerja mengeluarkan hasil tangkapan dijalankan. Hasil tangkapan dikeluarkan dengan membuka tali pengikat keroncong.





**Rajah 5.5:** Operasi Bot Pukat Tunda

Semua hasil tangkapan akan dipindah ke tong tempat menyimpan ikan. Sebaik sahaja kerja mengeluarkan hasil tangkapan selesai dijalankan, bahagian keroncong pukut diikat semula untuk operasi penundaan seterusnya. Walaupun, pukut tunda boleh mendaratkan pelbagai jenis sumber perikanan, namun udang merupakan hasil tangkapan utama pada waktu itu (Pg Khairul Rijal, 2007: 157-159).

## **5.7 Pemasaran Hasil Perikanan Semasa Brunei Berkerajaan Sendiri**

Peningkatan tinggi permintaan sumber perikanan dalam bentuk segar pada zaman Pentadbiran Residen British II sebelum ini, berterusan hingga ke zaman Brunei Berkerajaan Sendiri. Keadaan ini secara tidak langsung telah memberi ruang kepada golongan pemodal Cina untuk meneruskan penguasaan terhadap pemasaran hasil perikanan. Oleh itu, hampir keseluruhan urusan pemasaran hasil perikanan pada tempoh ini dikawal dan diselenggarakan oleh golongan pemodal Cina.

Bagi mengurangkan penguasaan golongan pemodal Cina, Pentadbiran Berkerajaan Sendiri telah membesarkan lagi keluasan pasar ikan yang terletak di Bandar Brunei (*Pelita Brunei*, 25 Oktober 1967). Pembesaran ini dilakukan dengan menambahkan lagi petak-petak gerai jualan dengan hasrat untuk memberi peluang kepada peniaga Melayu untuk menjalankan perniagaan. Walau bagaimanapun, penguasaan pemodal Cina dalam urusan pemasaran hasil perikanan masih kukuh dan berterusan seperti yang berlaku pada zaman sebelum ini. Keadaan ini disebabkan kebanyakan nelayan tempatan masih terikat dan bergantung kepada “sistem tauke”. Keterikatan nelayan kepada “sistem tauke” telah membataskan mereka untuk melibatkan diri dalam urusan pemasaran hasil perikanan. Ini disebabkan segala hasil tangkapan kecuali untuk keperluan harian dihantar dan dijual kepada golongan pemodal Cina yang akan menjualnya ke pasar-pasar ikan seluruh negara. Oleh itu, kedudukan golongan nelayan

tetap menjadi pengusaha yang berperanan sebagai penangkap dan pembekal ikan sahaja, manakala pemodal-pemodal Cina menjadi pemilik yang berperanan sebagai pembekal teknologi penangkapan ikan, peraih dan penjual ikan.

Penguasaan golongan Cina pada tempoh ini sebagian besar tertumpu kepada pemasaran hasil perikanan dalam bentuk segar untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan. Penumpuan kepada hasil perikanan dalam bentuk segar disebabkan kemajuan sistem pengangkutan darat dan kemudahan untuk mendapatkan bekalan air batu, yang membolehkan hasil perikanan dalam bentuk segar dapat dihantar ke kawasan-kawasan yang lebih jauh dari kawasan pendaratan ikan. Ini jelas apabila daerah yang paling jauh iaitu daerah Belait yang juga merupakan kawasan yang menjadi tumpuan tenaga buruh yang terlibat dalam ekonomi perlombongan minyak telah dapat didatangi dengan menggunakan pengangkutan darat setelah sebuah jambatan yang menghubungkan daerah ini telah siap dibina pada awal tempoh ini (*Brunei Annual Report*, 1963: 88). Oleh itu, hasil perikanan dalam bentuk segar telah dapat dihantar ke daerah ini. Keadaan ini juga telah mengurangkan permintaan sumber perikanan yang dimasin dan dikeringkan yang menjadi sumber makanan dan protein utama tenaga buruh sebelum ini. Hal ini jelas apabila tiada sebarang rekod tentang pemasaran atau pengimportan sumber perikanan dalam bentuk yang diproses sama ada produk ikan masin atau produk ikan kering yang dicatatkan pada tempoh ini. Penghantaran hasil perikanan dalam bentuk segar diusahakan oleh peraih dan pemodal Cina. Hasil perikanan dalam bentuk segar yang disimpan dalam tong ikan yang dipenuhi air batu akan dihantar dengan menggunakan lori ke pasar ikan dan kawasan perekonomian di daerah Belait.

*“... Fish for Kuala Belait from Brunei Town is loaded on trucks packed in ice for the seventy mile journey” (Brunei Annual Report, 1963: 88).*

Peningkatan permintaan sumber perikanan dalam bentuk segar tidak dapat diimbangi oleh pendaratan hasil perikanan tempatan. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, jumlah keseluruhan hasil pendaratan yang dihantar ke pasar-pasar ikan seluruh negara sering mengalami kemerosoton dari setahun ke setahun. Jadual 5.19 jelas memperlihatkan kemerosotan jumlah pendaratan ikan segar daripada 2,521 tan metrik pada tahun 1959 kepada 1,922 tan metrik pada tahun 1983. Hanya jumlah pendaratan udang segar sahaja yang menunjukkan peningkatan daripada 296 tan metrik pada tahun 1959 kepada 529 tan metrik pada tahun 1983. Peningkatan jumlah pendaratan udang segar ini berkait rapat dengan penggunaan teknologi penangkapan ikan *andang karan* yang menjadi alat utama untuk menangkap udang menggantikan alat penangkapan ikan *tugu* yang diharamkan penggunaannya.

Dengan kemerosoton hasil pendaratan ini, telah meningkatkan jumlah sumber perikanan yang diimport sama ada ikan segar atau udang segar. Jumlah import ikan segar telah meningkat dengan drastiknya daripada 67 tan metrik pada tahun 1963 kepada 2,053 tan metrik pada tahun 1983. Begitu juga dengan jumlah import udang segar telah meningkat daripada 90 tan metrik pada tahun 1967 kepada 460 tan metrik pada tahun 1983 (lihat Jadual 5.19). Sebahagian besar import sumber perikanan dalam bentuk segar didatangkan daripada negeri-negeri jiran yang berdekatan seperti Sabah dan Sarawak. Jadual 5.20 jelas menunjukkan bahawa dari tahun 1967 hingga ke tahun 1977 jumlah import sumber perikanan daripada Sabah telah meningkat daripada 435 tan metrik kepada 889 tan metrik. Jumlah import daripada Sarawak pula telah meningkat daripada 546 tan metrik pada tahun 1967 kepada 1,308 tan metrik pada tahun 1977. Pengimportan sumber perikanan dalam bentuk dingin beku daripada kawasan lain seperti Singapura hanya dalam jumlah yang kecil sahaja (*Brunei Annual Report*, 1967: 117).

**Jadual 5.19:** Jumlah Ikan dan Udang Segar Pengeluaran Tempatan dan Import yang Terdapat di Pasar 1959-1983 (*Brunei Annual Report*, Pelbagai keluaran; *BDSYB*, Pelbagai keluaran)

Tahun	Tempatan			Import			Tan Metrik
	Ikan Segar	Udang Segar	Jumlah	Ikan Segar	Udang Segar	Jumlah	Jumlah Keseluruhan
1959	2,521	296	2,817	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.
1960	2,520	263	2,783	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.
1961	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.
1962	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.
1963	3,702	209	3,911	67	-	67	3,978
1964	2,719	313	3,032	29	-	29	3,061
1965	3,027	466	3,493	124	-	124	3,617
1966	2,718	381	3,099	226	-	226	3,325
1967	933	133	1,066	235	90	325	1,391
1968	1,754	231	1,985	650	131	781	2,766
1969	1,688	267	1,955	563	74	637	2,592
1970	1,769	247	2,016	394	53	447	2,463
1971	1,175	305	1,480	495	142	637	2,117
1972	1,505	491	1,996	1,106	369	1,475	3,471
1973	2,621	823	3,444	594	548	1,142	4,586
1974	1,384	622	2,006	1,018	653	1,671	3,677
1975	1,450	679	2,129	1,002	322	1,324	3,453
1976	958	511	1,469	854	423	1,277	2,746
1977	1,537	551	2,088	652	342	994	3,082
1978	2,222	446	2,668	1,190	304	1,494	4,162
1979	2,325	448	2,773	1,236	298	1,534	4,307
1980	1,139	552	1,691	1,447	447	1,894	3,585
1981	1,295	494	1,789	1,311	437	1,748	3,537
1982	1,131	620	1,751	1,382	329	1,711	3,462
1983	1,922	529	2,451	2,053	460	2,513	4,964

Nota: t.d. – tiada data

**Jadual 5.20:** Jumlah Import Sumber Perikanan dari Sarawak, Sabah dan Singapura  
Tahun 1967 -1977 (*Brunei Annual Report*, Pelbagai keluaran)

Tahun	Sarawak	Sabah	Tan Metrik
			Singapura
1967	546	435	155
1968	956	584	232
1969	433	815	155
1970	375	517	94
1971	517	882	4
1972	1,497	1,737	18
1973	1,829	689	t.d.
1974	2,120	1,591	5
1975	1,959	1,025	3
1976	1,946	833	69
1977	1,308	889	14

Nota: t.d. – tiada data

Antara spesies sumber perikanan dalam bentuk segar import yang mendapat permintaan tinggi ialah *rumahan bini (rastrelliger brachysoma)*, temanong (*selar spp.*), tenggiri (*scomberomorus spp.*), bebatik (*gnathanodon speciosus*), barah-barahan (*lutjanus johni*), tongkol (*euthynnys sp.*), kuasi (*anodonstoma chacunda*) dan sebagainya. Manakala sumber perikanan dalam dingin beku yang kuantiti importnya agak rendah hanya berkisar kepada produk ikan salmon dan trout dingin beku untuk keperluan orang Eropah yang berkhidmat di Brunei.

Selain faktor geografi Brunei yang berdekatan dengan Sabah dan Sarawak, kos pengimportan yang lebih murah dan adanya hubungan persaudaraan antara nelayan dan peraih Brunei dengan nelayan dari Sabah dan Sarawak juga menyumbang kepada peningkatan pengimportan sumber perikanan dalam bentuk segar dari dua buah negeri ini. Di samping itu, dasar dan peraturan yang membenarkan aktiviti penjualan ikan dan udang segar antara peraih dan nelayan Brunei dengan nelayan dari Sabah dan Sarawak dilakukan di tengah laut juga memudahkan lagi urusan pengimportan tersebut.

*“... fish and prawns originating from outside Brunei appear on the markets via two routes. Firstly there are the products that are imported into the State through designated Ports of Entry, and which are recorded by the Royal Customs and Excise in the normal way. These products include both fresh fish from nearby ports in Sabah and Sarawak and also processed and packaged products from suppliers worldwide. Secondly there are those imports which for want of a better word fall into the category of “undeclared” imports. There are not illegal imports per se, but are ones which are made by sea from the neighbouring waters of Brunei Bay. In these cases the fish and prawns are purchased at sea by Brunei fishermen and fishmongers, and are landed, in accordance with long tradition, as Brunei fish and prawns” (Brunei Annual Report, 1975: 99).*

Dari penjelasan di atas memperlihatkan bahawa beberapa rancangan dan langkah pembangunan perusahaan perikanan yang telah dilakukan masih belum dapat mengurangkan penguasaan golongan pemodal Cina terhadap pemasaran hasil perikanan.

Ini dapat dibuktikan daripada penguasaan mereka terhadap hampir keseluruhan urusan pemasaran hasil perikanan sepanjang tempoh ini. Pemasaran sumber perikanan dalam bentuk segar merupakan hasil perikanan yang diberi tumpuan oleh golongan pemodal Cina. Bagaimanapun hasil pendaratan sumber perikanan tempatan sering mengalami kemerosoton sehingga tidak dapat memenuhi peningkatan permintaan sumber perikanan di pasaran tempatan. Keadaan ini telah meningkatkan jumlah pengimportan sumber perikanan dalam bentuk segar dari negeri-negeri jiran. Oleh itu, kebergantungan Brunei terhadap sumber perikanan import pada zaman Brunei Berkerajaan Sendiri semakin meningkat berbanding tempoh-tempoh sebelum ini. Oleh itu, kuantiti pengimportan sumber perikanan pada zaman Brunei Berkerajaan Sendiri telah meningkat berbanding tempoh-tempoh sebelum ini.

## **5.8 Kesimpulan**

Melalui penandatanganan perjanjian perlembagaan, Brunei telah berjaya mendapatkan kemerdekaan dalam negeri atau Pentadbiran Berkerajaan Sendiri pada 29 September 1959. Pentadbiran yang baru ini memberi tumpuan kepada pembangunan dalam negeri melalui tiga RKN lima tahun yang telah dilaksanakan pada tempoh ini. Salah satu matlamat utama dalam RKN lima tahun tersebut ialah usaha mempelbagaikan ekonomi. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh Pentadbiran Berkerajaan Sendiri bagi memajukan perkembangan ekonomi khususnya sektor bukan minyak, termasuk perikanan. Pelbagai bentuk kegiatan ekonomi dari sektor minyak dan sektor bukan minyak telah berjaya diwujudkan. Perkembangan pesat kegiatan ekonomi terutama sektor minyak telah memberi ruang kepada kedatangan tenaga buruh asing yang secara langsung menambahkan bilangan penduduk Brunei. Pertambahan penduduk dengan sendirinya meningkatkan permintaan sumber makanan, termasuk juga sumber perikanan. Oleh itu,



perusahaan perikanan perlu ditingkatkan bagi memenuhi peningkatan permintaan sumber perikanan tersebut.

Apa yang jelas di sini, Pentadbiran Berkerajaan Sendiri merupakan nadi dan penyumbang utama yang mempengaruhi perkembangan dan perubahan perusahaan perikanan. Ini jelas tergambar dari komitmen dan perhatian yang sangat tinggi Pentadbiran Berkerajaan Sendiri terhadap pembangunan dan perkembangan perusahaan perikanan. Di samping itu, perkembangan perusahaan perikanan di negeri-negeri jiran seperti Sarawak, Sabah dan Labuan juga secara tidak langsung mempengaruhi perkembangan perusahaan perikanan di Brunei. Ini jelas apabila sebahagian besar pembangunan perusahaan perikanan yang dilaksanakan di Brunei mempunyai persamaan dengan pembangunan perikanan yang dilakukan di negeri-negeri jiran seperti Sarawak, Sabah dan Labuan. Antara bentuk rancangan dan langkah pembangunan yang telah dilaksanakan seperti mengadakan beberapa siri lawatan dalam dan luar negara, melakukan beberapa penyelidikan, menggubal akta dan peraturan perikanan, memodenkan beberapa bahan binaan dan memperkenalkan teknologi penangkapan ikan yang baru. Kebenaran penggunaan pukot tunda sebagai satu projek percubaan, memperkenalkan penggunaan bahan sintetik dan pukot yang telah siap dibina jelas membuktikan komitmen tinggi Pentadbiran Berkerajaan Sendiri untuk meningkatkan hasil pendaratan sumber perikanan.

Kesungguhan Pentadbiran Berkerajaan Sendiri dalam pembangunan perusahaan perikanan lebih terserlah lagi melalui penubuhan sebuah Jabatan Perikanan sendiri pada tahun 1966. Melalui jabatan ini, rancangan dan pembangunan perusahaan perikanan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan tersusun seperti perangkaan

bilangan bot perikanan dan teknologi penangkapan ikan dapat dilakukan dengan lebih menyeluruh dan dapat dikemaskinikan.

Bagaimanapun, segala rancangan dan langkah yang dilaksanakan oleh Pentadbiran Berkerajaan Sendiri kurang mendapat sambutan daripada penduduk tempatan. Ini jelas apabila jumlah penduduk yang terlibat dalam aktiviti perikanan semakin berkurangan setiap tahun. Penduduk lebih suka bekerja makan gaji dalam perkhidmatan awam yang menyediakan banyak keistimewaan seperti elaun sara diri, sewa rumah kediaman yang rendah, tambang cuti ke luar negara, tambang melancong ke Eropah, tambang menunaikan haji, bayaran persekolahan anak dan pinjaman membeli rumah atau kenderaan tanpa faedah. Ini menunjukkan bahawa perikanan bukan suatu perusahaan penting bagi penduduk Brunei dan juga memperlihatkan kegagalan Pentadbiran Berkerajaan Sendiri untuk menarik penduduk tempatan untuk menjalankan aktiviti perikanan.

Kegagalan ini secara tidak langsung telah memberi ruang sekali lagi kepada golongan pemodal Cina melalui “sistem tauke” untuk menguasai perusahaan perikanan seperti yang berlaku pada tempoh-tempoh sebelum ini. Bagaimanapun, sumbangan dan peranan yang dimainkan oleh golongan pemodal Cina hanya berfokus kepada sumber perikanan dalam bentuk segar berikutan perkembangan pesat sistem pengangkutan darat dan adanya bekalan air batu yang membolehkan sumber perikanan dalam bentuk segar dapat dihantar ke pasar-pasar ikan seluruh negara.

Dengan sambutan dingin daripada penduduk yang menjadi pengeluar utama hasil perikanan segar telah memberi impak negatif kepada usaha golongan pemodal Cina untuk meningkatkan hasil pendaratan. Ini jelas apabila kuantiti hasil pendaratan telah

mengalami kemerosotan dari setahun ke setahun. Kemerosotan ini telah menyebabkan penghasilan perusahaan perikanan tidak dapat memenuhi permintaan sumber perikanan yang semakin meningkat seiring dengan pertambahan drastik perkembangan pesat ekonomi daratan dan pertambahan bilangan penduduk. Impak daripada ketidakmampuan ini telah meningkatkan kuantiti import sumber perikanan dari negeri-negeri jiran terutama Sabah, Sarawak dan Labuan. Dengan ini, memperlihatkan bahawa kebergantungan Brunei terhadap import sumber perikanan semenjak zaman Pentadbiran Residen British I berterusan hingga ke zaman Brunei Berkerajaan Sendiri. Oleh itu, matlamat Pentadbiran Berkerajaan Sendiri dalam pembangunan perusahaan perikanan untuk meningkatkan kuantiti hasil pendaratan tidak dapat dicapai.